



MALAYSIA

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 553]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perusahaan Sekuriti [Ruangan 564]

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) [Ruangan 590]

Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan (No. 2) [Ruangan 592]

Rang Undang-undang Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) [Ruangan 593]

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan) [Ruangan 607]

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) [Ruangan 623]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebeaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 619]

MALAYSIA
PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Khamis, 10hb Mei, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N.
(Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N.,
P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).
- „ TAN SRI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN,
P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K.
(Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M.
(Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk
Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K.
(Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P.
(Pulau Pinang).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang
Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIK IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TUAN G. LOUIS (Dilantik).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima
Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ DATUK S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI MOHD. NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E.
(Dilantik).
- „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K.,
A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Melaka Utara).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J.** (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, **TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N.** (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, **Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K.** (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, **TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T.** (Tanah Merah).

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

SURUHANJAYA GAJI SUFFIAN

1. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa anggota-anggota Polis wanita tidak diberikan gaji sama dengan polis lelaki pada hal tugas-tugas mereka adalah sama dan adakah Kerajaan akan mengikuti dasar “tugas sama gaji sama” seperti Lapuran Suffian, berkenaan dengan pegawai-pegawai Polis wanita.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat itu sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Suruhanjaya di-Raja Gaji yang lebih dikenal sebagai Suruhanjaya Gaji Suffian bagi mengkaji gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam termasuklah Pasukan Polis.

Gaji Polis wanita itu adalah hasil daripada perakuan Suruhanjaya di-Raja itu. Mengenai dasar “tugas sama gaji sama” itu satu daripada 14 prinsip yang diwujudkan oleh Suruhanjaya Gaji Suffian sebagai asas menetapkan gaji pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam ialah dalam bahasa

Inggerisnya, izinkan saya: “Women should get the same pay as men for doing the same work and if they accept the same conditions of service, such as working at night” etc. Oleh itu, dengan terlaksananya perakuan Suruhanjaya Suffian itu, Kerajaan memang sudah mengikuti dasar tugas yang sama gaji yang sama itu. Barangkali Suruhanjaya itu berpendapat bahawa Polis wanita tidak menjalankan tugas-tugas yang sama dengan Polis laki-laki dan itulah sebabnya mereka itu tidak diberi gaji yang sama.

POLIS WANITA—NAIK PANGKAT

2. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa peluang naik pangkat bagi pegawai-pegawai polis wanita tidak sebegitu baik seperti rakan-rakan sejawat mereka dari kaum lelaki.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad) Tuan Yang di-Pertua, keadaan peluang kenaikan pangkat bagi anggota-anggota Polis Wanita adalah terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- (a) Pegawai Kanan yang terdiri daripada Inspekter, Penolong Penguasa Polis (ASP), dan Timbalan Penguasa Polis (DSP).
- (b) Pegawai Pangkat Rendah dan Mata-mata.

Keanggotaan Polis Wanita sekarang berjumlah 401 orang, termasuk 48 orang

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri sedar atas penyertaan dan perasaan Inspekter Polis Wanita, adakah Kerajaan berfikir sebuah negara yang merdeka ini polis wanitanya hanya setinggi-tinggi pangkatnya kepada pangkat DSP dan seorang ASP. Tidakkah kita malu kalau kita bandingkan dengan negara lain yang mempunyai pegawai polis wanitanya lebih tinggi pangkatnya daripada kita?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal pandangan merendahkan sesiapa ini tak timbul. Ini ialah mengikut jawatan yang kosong iaitu mengikut establishment yang ada pada hari ini, inilah yang disebutkan, tetapi pada masa hadapan keadaan jawatan untuk dipegang oleh polis wanita ini akan ditimbang dari satu masa ke satu masa. Walaupun begitu, misalnya pada masa sekarang ini jawatan Penolong Penguasa Polis ada 2, iaitu dalam establishment, tetapi masih belum lagi dapat diisikan pada hari ini. Kalau kita create pun jawatan lebih banyak daripada itu tetapi tak dapat diisi pun tak ada makna juga. Begitu juga dalam jawatan-jawatan yang lain, misalnya jawatan Sarjan Major—kekosongan di dalam establishment ada 4, tetapi sekarang ini masih belum ada lagi. Begitu juga jawatan Sarjan—28 tetapi yang telah diisi cuma 4 sahaja. Jawatan Kopral pun begitu juga, jawatannya ada 40 tetapi yang telah diisi sekarang ini 14 sahaja. Jadi kalau kita mengadakan kekosongan dalam establishment, tetapi kalau belum dapat diisikan tak ada makna juga. Sebab itulah saya katakan tadi jika sampai masanya nanti perkara-perkara yang seumpama ini akan ditimbang.

Tuan Yang di-Pertua, patut saya jelaskan angka-angka yang saya berikan sebentar tadi ialah bagi Malaysia Barat.

Tuan Haji Otman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada polis wanita sebenarnya yang telah mengambil inisiatifnya sendiri bagi menangkap perkara-perkara maksiat, terutama sekali di masa-masa yang kebelakangan ini. Tetapi saya nampak kerja yang dibuat oleh polis wanita ini lebih

merbahaya daripada apa yang dibuat oleh polis laki-laki, sebab kerja menangkap perbuatan-perbuatan maksiat oleh polis wanita adalah satu kerja yang mulia, tetapi kedudukannya merbahaya. Tetapi adakah oleh kerana layanan atau gaji yang tidak sama diperdapatkan di antara polis wanita dengan polis laki-laki itu menyebabkan kekosongan seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan itu tak terisi. Kalau benar, apa yang patut dibuat?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah tidak benar. Patut kita ketahui iaitu soal mengisikan ini bergantung kepada adanya pegawai-pegawai yang cukup berkelulusan, yang cukup latihan dan yang cukup pengalaman. Jadi untuk melantik ataupun menaikkan pangkat seorang polis itu, maka diperlukan biasanya soal kelulusannya, soal latihannya dan soal pengalamannya dan rekod pekerjaannya. Jadi tak dapat kita isi dengan serta-merta dan ini tak ada kena-mengena dengan soal kekosongan ini. Biasanya permohonan bila diiklankan untuk jawatan-jawatan ini, permohonan berlebihan daripada jawatan yang kosong.

Berkenaan dengan pekerjaan menyerbu ataupun raid ini sukalah saya menyatakan bahawa raid ini dapat bersama-sama ataupun diiringi oleh polis lelaki juga, iaitu tidak dipisah-pisahkan sangat dalam waktu menjalankan pekerjaan. Begitu juga dalam pekerjaan-pekerjaan yang lain, biasanya kedua-dua sekali sekadarkan misalnya waktu memeriksa 100% wanita, maka polis lelaki tidak dibenarkan membuat kerja itu, tetapi polis wanitalah yang membuatnya. Tetapi dalam masa menjalankan satu-satu jenis pekerjaan, biasanya bersama-sama.

PANGGILAN JAUH—KELAMBATAN

3. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa panggilan jauh yang dibuat di kawasan-kawasan Krian dan Sungai Siput (Utara), Perak, terpaksa menunggu selama lebih kurang 10 minit atau sejam sebelum dapat disambungkan, dan jika sedar, mengapakah perkhidmatan talipon di kawasan-kawasan ini sangat buruk keadaannya, dan adakah Kementerian akan menyasiat perkara ini dengan segera.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, sememang ada kelambatan untuk menghubungi panggilan-panggilan jauh dari ibusawat di kawasan Sungai Siput (Utara) dan Krian tetapi biasanya tidaklah sampai satu jam. Kelambatan ini adalah disebabkan oleh kenaikannya trafik talipon dari kawasan ini.

Litar-litar tambahan telahpun dipasang buat sementara dari ibusawat Sungai Siput (Utara) dan ibusawat Ipoh yang mengawal-nya untuk mengendalikan kenaikan trafik ini. Walaubagaimanapun, kedudukan ini akan mendapat kebaikan yang lebih lagi dalam pertengahan tahun 1974, apabila alat penyuisan panggilan jauh yang baru siap dipasang di Ipoh. Ini bukan sahaja akan memberi lebih lagi litar di antara kedua ibusawat, tetapi akan juga membolehkan pelanggan-pelanggan di Sungai Siput (Utara) menggunakan kemudahan sambungan jauh terus dail.

Ibusawat yang mengawal ibusawat-ibusawat kecil di kawasan Krian ialah ibusawat Parit Buntar. Rancangan sedang dijalankan bagi menambah litar-litar dari ibusawat ini ke Pulau Pinang dan Taiping untuk mempercepat lagi perhubungan panggilan jauh. Kedudukan ini akan bertambah baik lagi pada lewat 1974 atau awal 1975 apabila ibusawat Parit Buntar dirangkaikan dengan sistem tulang belakang (mikrowev).

PERPADUAN KAUM

4. Tuan Haji Othman bin Haji Abdullah minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan:

- (a) sejauh manakah kemajuan telah dicapai oleh Kementerian ini dalam usaha memupuk perpaduan kaum di negara ini;
- (b) bilangan kelas-kelas perpaduan yang ada sekarang dan bilangan murid-murid serta guru-guru mengikut kaum; dan
- (c) apakah rancangan jangka panjang Kementerian ini untuk menjayakan cita-cita perpaduan kaum di negara ini.

Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah satu perkara yang sukar untuk menentukan sejauh mana kemajuan

telah dicapai oleh Kementerian ini dalam usahanya memupuk perpaduan kaum di negara ini. Perpaduan negara adalah matlamat jangka panjang. Seperti demokrasi ia adalah satu proses. Pencapaiannya tidak dapat diukur seperti mana kita dapat mengukur kejayaan dari segi fizikal (physical) seumpama membina jambatan-jambatan dan lain-lain.

- (b) Angka-angka yang diminta itu adalah seperti berikut:

Bilangan Kelas-kelas Perpaduan Rakyat—2,324.		Melayu	Cina	India	Lain-lain
Bilangan Pelajar-pelajar	937	31,595	20,018	1,697	
Jumlah	54,247				
		Melayu	Cina	India	Lain-lain
Bilangan Guru-guru	839	416	162	8	
Jumlah	1,425				

- (c) Kementerian ini sedang mengkaji masalah-masalah asas mengenai perpaduan negara. Kami sedang mengkaji beberapa aspek pelajaran yang mempunyai hubungan rapat dengan perpaduan negara baik dalam jangka pendek mahupun dalam jangka panjang. Kami juga sedang mengkaji masalah-masalah untuk mengujudkan Keperibadian Nasional dalam konteks Rukunegara dan mencari jalan dan cara bagaimana Keperibadian Nasional ini dapat dibina dengan kukuhnya. Kami juga sedang mengkaji langkah-langkah untuk melaksanakan dengan adil dan lebih cekap lagi akan dasar yang diumumkan oleh Kerajaan bahawa pekerjaan di dalam tiap-tiap tempat kerja dan setiap peringkat hendaklah mencerminkan nisbah kaum di negara ini.

Untuk tujuan menyediakan panduan-panduan dan penyelesaian-penyelesaian terhadap masalah-masalah perhubungan antara kaum dan masalah-masalah sosio-ekonomi, Kementerian ini menjalankan kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan di dalam beberapa aspek masyarakat Malaysia. Hasil-hasil daripada kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan ini akan dapat memberi gambaran ringkas mengenai berbagai kaum, perubahan-perubahan yang melibatkan mereka dan

perhubungan antara mereka. Kegunaan petunjuk-petunjuk sosial (social indicators) seumpama ini adalah memberi gambar ringkas kepada pemimpin-pemimpin politik dan penggubal-penggubal dasar mengenai faktor-faktor yang melibatkan perpaduan negara.

Kementerian ini telah mencadangkan untuk membesarkan Bahagian Perhubungan Masyarakat (dahulunya Bahagian Muhibbah) untuk tujuan mengadakan satu sistem perhubungan yang efektif di dalam masyarakat dan antara masyarakat dengan Kerajaan. Dengan lain-lain perkataan tujuannya ialah untuk merapatkan lagi hubungan rakyat antara satu dengan yang lain dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti yang diminati bersama oleh semua golongan masyarakat. Ia juga bertujuan merapatkan lagi perhubungan antara ahli-ahli masyarakat dengan Kerajaan di semua peringkat—Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Pencapaian perpaduan negara adalah merupakan satu tanggungjawab yang amat berat dan memerlukan hasrat bersama dari seluruh rakyat. Oleh itu adalah mustahak di dalam usaha mencapai perpaduan negara ini setiap rakyat mesti berusaha menuju ke arah matlamat ini. Ia bukanlah semata-mata tanggungjawab Perdana Menteri, Menteri Perpaduan Negara atau Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan sahaja, tetapi adalah juga tanggungjawab rakyat, pertubuhan-pertubuhan dan ini termasuk parti-parti politik bersama-sama memikul tanggungjawab ini.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan tambahan. Menteri yang berkenaan berkata, Kementerian Perpaduan Negara ini sedang mengkaji, saya hendak bertanya, bilakah kajian itu mula dibuat dan berapa lama akan dibuat, dan bila selesai kajian itu?

Dr Lim Keng Yaik: Kajian itu bukan dalam satu jangka masa yang boleh habis. Ini sedang dalam kajian (continuous study) iaitu 10 tahun, 20 tahun atau 100 tahun. Kalau ada masalah ini, kita akan kaji.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah guru-guru yang mengajar di dalam kelas perpaduan itu di seluruh negeri terdiri dari guru-guru yang terlatih dan sila beritahu kelayakan mereka. Dan apakah serendah-rendah sekali kelayakan mereka itu, dan juga sila beritahu berkenaan dengan gaji mereka?

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain. Saya berkehendakkan notis.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Soalan tambahan. Semenjak kelas perpaduan ini diadakan di seluruh negara, adakah pihak Kementerian berpuas hati di atas perjalanan kelas ini, maka perpaduan bagi penduduk-penduduk negara ini bertambah baik daripada satu masa ke satu masa?

Dr Lim Keng Yaik: Ya, puas hati.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa perpaduan negara adalah merupakan satu perkara yang mustahak dan memakan masa yang panjang, tetapi walau bagaimanapun memakan masa yang panjang sampai 100 tahun, dia mesti ada permulaan, kalau tidak ada permulaan, barangkali kata orang macam ketiak ular—ular tidak ada ketiak langsung. Jadi bilakah nampaknya Kementerian akan memulakan perpaduan ini, sebab kalau tidak kita mulakan, kita takut di tengah-tengahnya nanti akan berlaku sesuatu yang memecahkan perpaduan itu. Saya nampak tugas Kementerian ini paling berat, paling besar sekali untuk mengukuhkan perpaduan. Kita hendak tahu dan keterangan yang diberi itu ada menyebutkan jangka panjang dan jangka pendek, bila perkara ini hendak dimulakan supaya lebih efektif?

Dr Lim Keng Yaik: Saya ingat kajian itu mula dibuat apabila Kementerian ini ditubuhkan pada 1hb Januari, 1972 dan lain-lain cadangan akan dijalankan pada tahun hadapan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengaku memang sukar benar untuk mengukur bagaimana kita telah dapat mencapai perpaduan. Tetapi saya percaya ada jalan-jalan yang boleh kita gunakan sebagai indices ataupun pengukuran tentang kejayaan perpaduan

yang tercapai oleh kerana gerak-geri Kementerian. Satu daripadanya mungkin berkenaan dengan Quiz Perpaduan, bilangan orang-orang yang hadir dan jenis ataupun kaum yang hadir. Ini boleh menjadi satu daripada indicator, juga satu daripadanya ialah bilangan perjumpaan yang dianjurkan oleh badan-badan perkauman seperti Chambers of Commerce dan sebagainya yang mana kaum daripada lain dijemput. Juga boleh menjadi sebagai indices tentang perkahwinan antara kaum. Ini juga boleh dijadikan satu index, adakah Kementerian ini akan mengadakan indices ini dan cuba membuat satu chart tentang kenaikan bilangan ini untuk menunjukkan bahawa usaha Kementerian ini mencapai kejayaan?

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana memberi tahu mengenai indices ini, dan saya akan merujuk indices ini kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara.

TENAGA BELIA KE ARAH PEMBANGUNAN NEGARA

5. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan usaha yang sedang dijalankan untuk mengabadikan tenaga belia kita ke arah pembangunan negara dan samada terdapat sebarang rancangan dan latihan belia berbilang kaum diadakan dengan tujuan mencapai satu Malaysia yang benar-benar bersatupadu.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, dasar dan rancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah berasaskan kepada kenyataan bahawa belia-belia adalah menjadi harta pusaka negara yang boleh digembelngkan tenaga mereka untuk pembangunan. Untuk membolehkan mereka memainkan peranan pembangunan yang diharapkan, maka Kementerian itu telah menjalankan rancangan-rancangan yang berlandaskan ke arah pembentukan tiga jenis kemahiran iaitu:

- (i) Kemahiran Teknik;
- (ii) Kemahiran Perniagaan; dan
- (iii) Kemahiran Memimpin.

Pembentukan kemahiran Teknik ini adalah melalui rancangan-rancangan latihan seperti Rancangan Latihan Vokesyenal dan Disiplin

di Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Rancangan Latihan Sambil Bekerja di peringkat negeri dan daerah dan juga rancangan yang dikelolakan oleh agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan juga Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Projek-projek untuk persatuan-persatuan belia seperti Projek Belia Peladang bukan sahaja memberi kemahiran dalam bidang pertanian tetapi juga akan membimbing ke arah kemahiran perniagaan yang berbentuk agro-based. Dalam bidang pembentukan kemahiran memimpin pula, kursus-kursus pimpinan diadakan secara berinstitusi seperti di Pusat Latihan Belia Negara di Pertak dan juga kursus-kursus jangka pendek di peringkat negeri dan daerah yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai Kementerian. Tujuan utamanya ialah untuk membekalkan pemimpin-pemimpin belia dengan kebolehan memimpin pergerakan-pergerakan dalam bidang perancangan dan pelaksanaan projek-projek ekonomi dan sosial serta juga memberi kebolehan kepada mereka untuk memainkan peranan sebagai penggerak kemajuan masyarakat sekelilingnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini sukalah saya menyatakan bahawa semua projek yang dijalankan untuk belia pada hari ini adalah mencerminkan penyertaan dari belia-belia berbagai-bagai kaum di negeri ini. Bolehlah dikatakan, tidak ada satu pun rancangan yang dijalankan oleh Kementerian ini yang dikhaskan semata-mata kepada belia-belia daripada satu keturunan, satu kaum atau satu ugama tertentu sahaja. Malah sebarang rancangan dan latihan yang dijalankan adalah dikhaskan untuk penyertaan semua golongan belia-belia bagi membentuk satu masyarakat Malaysia yang benar-benar bersatupadu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERUSAHAAN SEKURITI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang yang bertajuk Suatu Akta Perusahaan Sekuriti, 1973, dibacakan bagi kali yang kedua.

Saya tidak bercadang hendak mengambil masa yang berharga Dewan ini dengan mengulangi ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Persidangan Dewan Rakyat pada 3hb Mei, 1973. Untuk kemudahan rujukan salinan ucapan itu telahpun diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Cuma, Tuan Yang di-Pertua, saya minta perhatian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada Rang Undang-undang ini di muka 13 dalam Bahasa Kebangsaan, perenggan 2 (c), perkataan "tidak" itu sebenarnya adalah kesilapan typing sahaja. Perkara ini Yang Berhormat Peguam Negara akan mengarahkan Setiausaha Dewan untuk memperbaiki perkataan ini supaya tidak dimasukkan perkataan "tidak", tetapi dalam bahasa Inggeris dalam muka 12 iaitu perenggan 2 (c) perkataan "tidak" itu tidak ada, inilah yang betulnya.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Adakah Rang Undang-undang ini dibuat dan disusun dengan Bahasa Kebangsaan dahulu, kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, atau dari bahasa Inggeris dahulu, kemudian diterjemahkan ke Bahasa Kebangsaan?

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Rang Undang-undang ini dibuat dalam bahasa Inggeris, kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ibrahim bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah dapat membuat satu undang-undang yang begitu baik dan saya sanjung tinggi. Saya suka bercakap berkenaan dengan Stock Exchange Malaysia dan Singapura sahaja.

Sebelum kita putuskan baharu-baharu ini pada masa itu Stock Exchange ini dikuasai oleh sebuah jawatankuasa mengandungi 8 orang: 3 dari Singapura, 4 dari Kuala Lumpur dan satu dari Pulau Pinang.

Kerajaan kita tidak ada kuasa langsung dan tidak campurtangan dalam perkara ini, cuma Gabenor Bank Negara dipelawa apabila ada mesyuarat-mesyuarat di Kuala Lumpur, tetapi tidak ada suara. Tiap-tiap pemohon akan mengisi borang yang disediakan dan hendaklah memberitahu samada pemohon mempunyai ahli-ahli yang pakar di dalam Stock Exchange, berapa ada harta bagi satu-satu pemohon. Kalau 5 orang pemohon dalam satu syarikat itu semuanya hendaklah memberi tahu berapa banyak hartanya dan berapa banyak modalnya. Untuk dapat masuk menjadi ahli Stock Exchange Malaysia and Singapore ini tengok dari mana permohonan itu. Kalau dari Singapura sekurang-kurangnya \$1.5 juta bayaran untuk masuk menjadi ahli; kalau dari Kuala Lumpur \$750,000 dan dari Pulau Pinang \$450,000. Dari sini kita nampaklah betapa ungunya di dalam perniagaan Stock Exchange ini dan ini akan menggunakan pekerja-pekerja yang ramai, khasnya orang-orang yang pakar dalam kira-kira dalam perniagaan. Maka dengan adanya Bil ini dan kita akan menjalankan Stock Exchange kita sendiri. Saya berharap akan memberi peluang kepada beberapa syarikat-syarikat yang memohon dan janganlah membuat semacam sekarang dengan membayar beribu-ribu ringgit untuk masuk menjadi ahli Stock Exchange.

Saya memuji-muji Kerajaan kita kerana mengambil langkah keluar dari Singapura. Biarlah kita berdiri atas kaki kita sendiri atas serba-serbinya supaya ada maknanya kepada kemerdekaan negara kita yang kita capai dengan menggunakan mata pen dan kertas sahaja, tidak ada menumpahkan darah setitik jua pun. Dengan adanya stock exchange kita sendiri, Menteri ada kuasa maka banyak pelajaran-pelajaran perniagaan di negara kita dapat, akan menambahkan banyak hasil lagi di dalam negara kita ini.

Sekianlah pandangan saya di atas Rang Undang-undang ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya mempunyai dua handicap bila berbahas dalam Rang Undang-undang ini.

Handicap yang pertama ialah kerana saya tidak sangka yang Rang Undang-undang ini adalah Rang Undang-undang yang pertama hendak dibahaskan petang ini kerana

semalam di dalam Aturan dan Peraturan Mesyuarat, Rang Undang-undang ini ditinggalkan. Jadi, saya tidak sangka hendak dibahaskan seawal-awalnya, walaumacamanapun itu tidak menjadi excuse. Saya cuba juga dengan sebolehnya menerangkan apa yang saya hendak bincangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Handicap yang kedua, ialah berkenaan dengan penjelasan terhadap Undang-undang ini oleh Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri semasa mengemukakan Rang Undang-undang tadi mengatakan memadai sahajalah dengan keterangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat semasa mengemukakan Rang Undang-undang itu. Betul Rang Undang-undang itu telah dikemukakan barangkali pada 3hb Mei, 1973. Lapurannya cuma sampai ke meja ini baharu sebentar tadi, sebelum mesyuarat dimulakan. Jadi peluang untuk saya membaca dengan sedalam-dalamnya tidaklah dapat. Kalau saya hendak tumpukan sahaja kepada coverage yang dibuat oleh wartawan-wartawan di dalam suratkhobar, barangkali tidak tepat. Kadang-kadang ucapan saya sendiri pun salah dilaporkan. Jadi, bukannya saya sahaja. Sebenarnya kalau kita tengok keterangan yang dibuat oleh Menteri Kewangan sendiri atas repotnya berkenaan Rang Undang-undang ini di dalam Parlimen, yang mana ada dihantar kepada kita, kelmarin dahulu kalau tidak salah saya, Menteri Kewangan sendiri mengatakan laporan itu salah dibuat. Itu menyebabkan beliau terpaksa membuat satu keterangan semasa beliau mengemukakan berkenaan pengumuman interchangeability dan stock exchange dua hari yang lepas. Itulah handicap saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua. Walaubagaimanapun saya akan cuba mengulas sedikit sebanyak berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Saya mengalu-alukan adanya Rang Undang-undang ini. Sebenarnya pada tahun lepas saya telah berbincang di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kedudukan pasaran saham di negara kita. Syukurlah kita kerana sekarang ini satu Rang Undang-undang telah diadakan untuk mengawal investor-investor yang ada di negara kita ini supaya dalam bahasa Inggerisnya mereka tidaklah "get their fingers burnt". Walaubagaimanapun inilah kali pertamanya, yang mana negara

kita cuba hendak mengawal satu perusahaan saham yang boleh dikatakan dikelolai oleh orang-orang yang amat bijak. Sungguhpun ada peruntukan-peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini, rasa saya mungkin tidak begitu ketat. Walaubagaimanapun sebentar lagi, saya akan pergi kepada beberapa perenggan di dalam Rang Undang-undang ini untuk meminta penjelasan.

Saya berterima kasih kerana semasa Kerajaan mengadakan Rang Undang-undang ini Kerajaan juga telah mengkaji Undang-undang yang ada di negeri-negeri lain seperti Australia, kalau tak salah saya, dan sebahagian dari Amerika juga, tetapi tidak umpamanya dari United Kingdom. Barangkali sistem di sana berlainan sedikit dengan negara kita.

Kalau kita pandang di dalam Huraian yang diberi di sini ada mengatakan:

"Rang Undang-undang ini tidak bercadang hendak mengubah sistem yang ada sekarang dalam mana Badan Pertukaran Saham membuat peraturan-peraturan sendiri";

atau dalam bahasa Inggerisnya:

"The Bill does not propose to change the existing system of self-regulation by the Stock Exchange."

Yang saya kurang fahamnya setakat manakah self-regulation ataupun membuat peraturan-peraturan sendiri yang dimaksudkan di sini. Ini yang saya kurang faham. Adakah itu bermakna semacam sekarang ini ahli-ahli yang boleh menjadi ahli-ahli stock exchange itu ditetapkan oleh stock exchange itu sendiri? Atau apa? Tetapi kalau kita pandang pula kepada Rang Undang-undang ini di bawah Bahagian IV berkenaan dengan Lesen, di sini ada menyatakan di bawah Fasal 9:

"9 (1) Tiada seseorang boleh menjalankan sesuatu urusan berniaga sekuriti atau mengemukakan dirinya sebagai menjalankan sesuatu urusan itu melainkan jika ia adalah pemegang suatu lesen peniaga di bawah Bahagian ini."

Bahagian IV ialah berkenaan dengan Lesen. Kalau kita tengok di bawah Fasal 14, yang menyatakan:

“14. Pendaftar hendaklah memberi atau membaharui sesuatu lesen peniaga atau sesuatu lesen penasihat pelaburan jika—

(a) selepas menimbangkan—

- (i) jika pemohon itu menjalankan urusan sebagai seorang peniaga dan adalah seorang broker saham—kelakuan dan kedudukan kewangan pemohon itu; atau
- (ii) jika pemohon itu menjalankan urusan seorang peniaga sebagai suatu perbadanan dan bukan suatu syarikat anggota—kelakuan pengarah-pengarah dan setiausaha perbadanan itu dan kedudukan kewangan perbadanan itu; dan

(b) selepas menimbangkan kepentingan orang awam,

ia berpendapat bahawa pemohon itu adalah seorang yang layak dan patut memegang lesen yang dipohon itu.”

Di sini di bawah Bahagian IV berkenaan dengan lesen ini, nampaknya orang yang mengeluarkan lesen ini ialah Pendaftar dan siapakah Pendaftar? Pendaftar telah ditaarifkan di bawah Fasal 2:

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965, dan termasuklah seseorang Timbalan atau Penolong Pendaftar Syarikat;”

Jadi yang sebenarnya yang mengeluarkan lesen ini ialah Pendaftar Syarikat. Maknanya Kerajaan jugalah yang menentukan siapakah yang boleh mendapat lesen di bawah Bahagian IV ini.

Bahagian IV ini kena bukannya sahaja kepada Share Brokers tetapi juga kepada orang-orang lain termasuk penasihat-penasihat pelaburan (Investment Adviser) dan juga kepada Wakil Pelaburan dan kalau tidak salah saya, juga kepada Financial Journalist ataupun Wartawan Kewangan.

Di sini saya kurang faham apa yang dimaksudkan dalam Huraian tadi mengatakan:

“... Tujuan Bill ini tidaklah bercadang hendak mengubah sistem yang ada

sekarang dalam mana Badan Pertukaran Saham membuat peraturan-peraturan sendiri.”

Jadi setakat manakan peraturan-peraturan yang dimaksudkan di sini. Kalau sebenarnya kuasa akhirnya ialah di tangan Kerajaan, apakah yang dimaksudkan dengan peraturan-peraturan yang diberikan kepada Stock Exchange di sini.

Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, suka mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Bahagian II Fasal 3 mengenai perkara Pentadbiran.

Di sini ada mengatakan:

“Menteri boleh dari semasa ke semasa meminta pendapat suatu penal pakar yang sekarang bernama sebagai Jawatankuasa Keluaran Modal atas perkara-perkara berhubung dengan perusahaan sekuriti.”

Kalau tidak salah saya, Jawatankuasa Keluaran Modal (Capital Issues Committee) yang lebih terkenal dengan huruf pendeknya CIC telah ditubuhkan semasa kita dalam darurat, semasa pemerintahan NOC dahulu. Ini saya minta sedikit keterangan dari segi status Capital Issues Committee, kerana saya selalu juga mendengar orang-orang di luar kadang-kadang hendak bawa perkara ini ke mahkamah untuk menentukan apakah status CIC. Maka inilah sebabnya saya timbulkan di sini supaya perkara ini tidak timbul lagi pada masa depan. Apakah sebenarnya status Jawatankuasa Pelaburan Modal (Capital Issues Committee) dan kalau saya tidak salah, ditubuhkan pada masa NOC dahulu. Adakah Jawatankuasa itu mempunyai suatu kuasa undang-undang, adakah Jawatankuasa itu suatu badan yang kuasanya didelegatekan, datang daripada Menteri umpamanya, datang daripada Kabinet umpamanya. Saya minta Menteri memberi penjelasan berkenaan dengan perkara itu.

Saya juga suka mendapatkan penjelasan berkenaan kedudukan ataupun taraf Wartawan Kewangan (Financial Journalist). Saya sedar wartawan kewangan ini boleh mempengaruhi kedudukan pasar. Dia boleh bila dia menulis mengatakan sekian-sekian sekuriti itu tidak berguna umpamanya, atau kurang modal dan mungkin menyebabkan orang menjual syernya di dalam syarikat itu.

Taraf mereka itu penting, saya sedar. Jadi saya hendak minta penjelasan sedikit samada wartawan kewangan ini hanya terlibat kepada sahaja ataupun termasuk wartawan kewangan yang diluar, kerana kita tahu banyak juga suratkhbar atau journal yang datang daripada luar yang dijual di sini yang berpengaruh, umpamanya *Financial Times*, *Wall Street Journal*; mereka ada juga mengomen berkenaan dengan perusahaan sekuriti yang ada di negara kita. Jadi kalau mereka membuat komen di dalam suratkhbar mereka, adakah mereka terlibat ataupun adakah pihak Kerajaan hendak censor dahulu suratkhbar itu sebelum dibenarkan diedar di negara kita? Atau adakah *Financial Journalist* yang dimaksudkan di dalam Rang Undang-undang ini hanya terlibat kepada wartawan kewangan yang ada di negara kita sahaja? Kalau begitu, rasa saya kalau hanya kepada wartawan yang ada di negara kita sahaja, itu barangkali tidak adil kerana banyak komen-komen yang dibuat daripada luar. *Far Eastern Economic Review* umpamanya, selalu membuat komen yang agaknya kadang-kadang tidak adil. Adakah mereka boleh ditahan? Inilah saya harap mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Sekian lama ini perusahaan jual-beli saham ini bolehlah dianggapkan satu perusahaan yang agaknya cuma terlibat kepada tidak begitu ramai orang, atau dalam satu bahasa yang lain boleh dianggapkan ahli-ahli Stock Exchange ini ialah ahli-ahli yang duduk dalam satu kelab yang amat private, kerana mereka di antara mereka boleh menentukan naiknya harga atau turunnya harga. Kadang-kadang ada pelanggan yang suruh dia beli saham, mungkin kerana saham itu akan naik, tetapi dia beli untuk dia dahulu, sebelum dia beli untuk pelanggan. Maknanya self-interest dahulu dijaganya. Itu satu bahaya, maknanya kalau dia berniaga saham itu memandangkan kepentingan dia sendiri dahulu daripada pelanggannya, ini satu perkara yang agak bahaya.

Saya tidak tahu, bila saya baca Rang Undang-undang itu tidak begitu jelas, samada ini menghalangkan Stock Broker itu membeli untuk dia sendiri. Saya sedar, kalau dia beli itu tidak perlu atas nama dia sendiri, dia boleh gunakan nama-nama saudaranya, nama-nama nomineanya dan sebagainya dan

mungkin menjadi kesukaran bila pendaftar yang berhak di bawah undang-undang ini memeriksa kira-kira barangkali nama-nama itu mungkin nama-nama fictitious sahaja.

Di sinilah, rasa saya kita perlukan satu code of ethics, satu kejujuran daripada ahli-ahli Stock Brokers tadi. Kerana kalau dia gunakan hak dia dahulu untuk kepentingan dia lebih daripada untuk pelanggannya, ini rasa saya merbahaya.

Begitu juga rasa saya, di dalam undang-undang yang ada ini tidak ada peruntukan yang mana Stock Broker yang mengawal fund yang telah diamanahkan kepadanya iaitu tidak ada langsung peruntukan yang menghalang mereka menjalankan perniagaan dalam fund-fund yang mereka kelolakan. Ini mungkin satu perkara baru di sini kerana saya timbulkan itu oleh sebab Stock Exchange di New York sekalipun perkara ini belum lagi diatasi. Saya ada satu keratan daripada apa yang dikatakan *United States News and World Report*, bertarikh 2hb April, 1973 yang bertajuk "What ails Stock Market?"

Satu temuramah di antara James Needham, Pengerusi New York Stock Exchange. Di sana kedudukan ini pun belum putus lagi. Saya cuma suka membaca sedikit sahaja petikan daripada laporan itu semasa Chairman, Stock Exchange ditanya: "Apakah Undang-undang yang patut diadakan lagi di sana untuk mengawal kedudukan stock market supaya broker itu tidak berat sebelah?" Dia telah ditanya:

"Is there any other legislation that your Exchange is advocating?" Jawabnya, "Yes, we are asking Congress to bar from membership of any Stock Exchange such institutions as mutual funds, insurance companies, banks, and so on. It would also prevent member firms of Stock Exchanges from executing transactions from funds that they manage. Many people feel there is a tremendous potential for conflict of interests under such circumstances. I might add that similar potential exists in other financial institutions, e.g., the mutual fund industry and some of these have been dealt with by legislation. One of the reasons I am in favour of this sort of legislation, in addition to just keeping institutions out of broker business—that is another point of view—is because I have been terribly concerned about financial

concentration in the United States. I think it is increasing every day and people are refusing to face up to it. I do not mean it to imply that anyone is doing anything improper but the potential is there and I am concerned about it."

Ini satu stock exchange yang sudah lama berjalan mereka pun belum lagi ada satu undang-undang yang boleh mengawal. Jadi, rasa saya, dari semasa ke semasa bila undang-undang ini sudah berjalan saya harap pihak Kerajaan dapat memperhatikan mana yang tak elok kita baiki, mana yang lemah kita kukuskan.

Di bawah undang-undang yang ada sekarang ini kuasa menentukan siapa yang berhak menjadi ahli stock exchange tadi sebagai saya katakan kuasa muktamatnya ialah Pendafter Syarikat. Tetapi sebaliknya, seperti yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang tadi kuasa mengelola terpalung balik kepada Stock Exchange. Jadi terpaksa kita kaji kalau umpamanya ada ahli-ahli yang mewakili bank atau insurance company secara tidak langsung, secara tidak berterang-terang, mereka hendak menjadi ahli stock exchange bolehkah mereka diterima. Nampaknya kuasa ini terpalung kepada Pendaftar Syarikat memutuskan.

Itulah sahaja sedikit sebanyak, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perusahaan Sekuriti, 1973 dan sukacitalah saya menyampaikan pandangan saya sepatah dua kata di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua dapat memperhatikan bahawa orang ramai yang meletakkan wang dan amanah mereka dalam pasaran saham, senang sahaja dengan cuka melalui satu malam kerana harga saham itu telah naik, dia dapat keuntungan besar, maka menjadi orang-orang kaya, tetapi sebaliknya cepat juga mereka akan rugi kerana harga saham jatuh dan menjadi bankrap. Inilah perniagaan secara judi bahaya yang tidak memberi faedah ataupun kesusahan kepada orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, pasaran saham, saya rasa ialah satu mangsa terbesar untuk memujuk orang ramai jatuh ke dalam lubang, kerana sangatlah loba atau tamak.

Mengapakah orang-orang berpelajaran tinggi seperti guru, akauntan, peguam dan doktor sangatlah suka meletakkan wang dan amanah mereka dalam pasaran saham? Ini kerana loba mendapatkan keuntungan besar dengan jalan senang sahaja. Tetapi akibatnya seperti bidalan Melayu berkata: "Mati semut kerana gula".

Tuan Yang di-Pertua, dengan senang sahaja pemodal kecil yang baru belajar dalam pasaran saham terkena bakar jari oleh orang besar seperti ikan kecil menjadi makanan ikan besar. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal spekulasi yang berlebihan berkenaan menyalahi undang-undang menurun-naikkan harga saham secara artificial dan lain-lain bentuk manipulasi pasaran itu patutlah dialu-alukan. Kerajaan campurtangan dalam susunan pasaran saham yang sedang dijalankan ini adalah perlu dan kena masanya supaya pelabur-pelabur yang sedang menjalankan perniagaan saham ini diberi perlindungan dari mereka yang mungkin cuba memusingkan pasaran untuk kepentingan sendiri. Langkah-langkah Kerajaan ini patutlah diberi pujian.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya bahawa peniaga-peniaga yang bukan broker saham akan dikehendaki mengeluarkan pertaruhan tidak kurang daripada \$100,000 kerana diperlukan bagi kumpulan fidelity yang diistiharkan itu memang tidak mencukupi, patutlah ditambah kepada \$200,000 supaya menentukan bahawa cuma orang-orang yang berkelakuan baik dan mempunyai kewangan yang kukuh diberi lesen untuk berniaga dalam pasaran saham.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya merayu kepada Kerajaan supaya menubuhkan pasaran saham sendiri dan tidak ada berhubung dengan pasaran saham Singapura dengan segera, kerana Singapura ialah sebuah negara asing dan aturan tukar wang dengan Singapura telah pun tamat.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr President, Sir, it strikes me that this Bill protects the investor from everybody except himself. I entirely agree with the last speaker, Yang Berhormat Tuan Yeap Kheng Yam. The main problem, Sir, is that people are gambling on margin. I myself, Sir, have been known to place a bet on a horse—\$5, \$10, or \$50. If the horse loses, Sir, I know what I lose. But if I play on margin on the Stock Exchange hoping that I will never get delivery of the shares but that in two or three days they will go up to double the price that I have paid for them, however, a share can go down by 50 cents or \$1 and if you buy a thousand shares, as my friend over there said, you may go bankrupt.

So I do say that the Government has protected the investor in all ways except from himself. I think he must be protected from himself because I read in the speech of the Honourable Minister of Finance, and I quote, "Never in the history of this country has the Malaysian public shown so much interest in the securities market as in the last few months. I am told that besides accountants, lawyers and doctors, large numbers of teachers, clerks, shopkeepers and even domestic servants are putting their money and their trust in the securities market." Sir, I think they are playing in the security market on what is known as margin. They put down so much—10% or 20% the exact percentage of which I am not quite familiar—and as I said, they hope that long before they have to pay up and take delivery of the stock, the price will increase and they can get out and make a nice profit. So I would ask, if it is possible, that it be made as steep a margin as possible to prevent this margin playing. That is all, Sir. I support the Bill.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya memberi tahniah kepada Kerajaan kerana baharu-baharu ini telah mengambil keputusan untuk mengasingkan atau memecahkan pasaran-pasaran saham ini daripada Singapura dan akan menubuhkan pasaran sahamnya sendiri untuk Malaysia ini.

Perkara ini sepatutnya telah lama dibuat oleh Kerajaan, tetapi boleh jadi kerana Kerajaan mencari masa yang baik bagi diambil tindakan itu, dan setelah Kerajaan

memutuskan kita asingkan kedudukan kewangan kita sendiri, maka perkara berkenaan dengan pasaran saham ini pun telah diambil tindakan sekali iaitu diasingkan daripada Singapura. Jadi langkah yang telah diambil oleh Menteri Kewangan adalah satu langkah yang bijak dan kena pada masanya. Apa yang saya suka hendak menarik pandangan Kerajaan dalam masaalah ini ialah apabila Kerajaan telah siap sedia dengan kelengkapan untuk mengadakan pasaran sahamnya sendiri, maka eloklah dengan segera Kerajaan memutuskan supaya syarikat-syarikat yang dilistkan atau disenaraikan dalam stock exchange, pasaran saham itu ialah syarikat-syarikat yang berdaftar di Malaysia ini sahaja. Tidak termasuk syarikat-syarikat yang berdaftar di Singapura, kerana pada fikiran saya banyak daripada syarikat-syarikat besar-besar ini mereka beribu pejabat di Singapura, mereka membawa wang daripada Malaysia ini, daripada perniagaan mereka daripada punca pendapatan, daripada hasil negara kita ini, mereka bawa ke Singapura simpan di Ibu Pejabat di Singapura, di Bank di Singapura dan sebagainya, tidak disimpan di Malaysia ini. Jadi apa yang disimpan di sini ialah barangkali untuk membayar gaji kakitangan dan sebagainya, tetapi apabila mereka hendak menyimpan wang yang banyak untuk kegunaan pertaruhan dan sebagainya, maka mereka simpan di Singapura.

Saya rasa kalau sekiranya Kerajaan bertindak dibenarkan masuk senarai syarikat-syarikat yang berdaftar di Malaysia sahaja yang boleh masuk dalam senarai saham itu, maka syarikat-syarikat ini kiranya mereka berkehendak saham mereka itu ada di dalam satu pasaran yang lebih luas, maka mereka akan barangkali mengambil satu timbangan untuk mengubahkan Ibu Pejabat mereka ke Malaysia ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya disenaraikan juga syarikat-syarikat bumiputra supaya diadakan satu cara atau sistem yang sama yang ada di dalam satu list yang berasingan umpamanya, yang juga termasuk di bawah perniagaan saham ini supaya syarikat-syarikat bumiputra yang ada di dalam Malaysia ini dapat juga menjual saham-sahamnya di kalangan bumiputra di bawah satu susunan dan kaedah yang difikirkan sesuai dengan cara yang ada di negara

kita ini. Sebab barangkali banyak syarikat-syarikat besar seperti Syarikat Gula Perak, Syarikat Permodalan **Kebangsaan umpamanya**, mempunyai harta dan perniagaan yang agak besar, tetapi sahamnya orang bumiputra sendiri tidak tahu ke mana hendak pergi beli, berapa harganya bagaimana untung atau rugi, naik-turunnya bumiputra tidak tahu, melainkan orang yang memegang itu sahaja yang menerima keuntungan tiap-tiap tahun umpamanya, tetapi kami umpamanya orang-orang yang tidak tahu tidak berhubung dengan syarikat itu tidak dapat hendak membeli sahamnya di pasaran saham. Sungguhpun ada pasaran saham sendiri yang diaturkan oleh MARA Unit Trust dan sebagainya itu adalah satu daripada kaedah pertolongan MARA bagi bumiputra dalam perniagaan saham ini. Tetapi saya rasa itu adalah satu langkah permulaan dan saya rasa patut Kerajaan menggubal satu sistem yang baharu yang boleh dimasukkan secara langsung syarikat-syarikat bumiputra yang besar-besar itu di dalam senarai di Malaysia ini.

Selain daripada itu saya rasa Undang-undang ini sebagaimana rakan-rakan saya kata, Undang-undang ini adalah satu Undang-undang bagi menyelamatkan kedudukan orang ramai dan bolehlah kita setabilkan sedikit kedudukan perjalanan saham penjualan saham di sini supaya tidak terlampau cepat naik dan terlampau cepat turun. Kalau cepat naik pun cepat kaya dan cepat turun pun cepat mati. Langkah Kerajaan ini adalah satu langkah yang baik dalam keterangan Bill ini ada sebut di negeri-negeri lain yang besar-besar telah ada Undang-undang ini, cuma kita sahaja yang baharu buat. Jadi, saya perhati selalu kita ini lewat. Kalau Singapura sudah ada, New York sudah ada dan lain-lain negeri sudah ada, baharulah kita ikut.

Saya rasa, perlu kita memikirkan lebih cepat ke hadapan daripada negeri-negeri lain dalam masalah negara kita ini, sebagaimana telah dilakukan maknanya macam perpisahan kewangan yang telah dibuat oleh Kerajaan ini. Jadi kita fikir awal sedikit baharulah negeri lain itu ada terkejut sedikit macam Singapura dia terkejut, macam mana cepat sangat ini pecah serta-merta sahaja. Ini menunjukkan kita berfikir jauh.

Saya harap apa-apa tindakan-tindakan yang dibuat oleh Kerajaan itu biarlah mendahului **negara-negara lain dengan berasas** kepada kedudukan rakyat dan negara kita. Saya rasa, tidak banyak masalah yang boleh kita bahaskan dalam Rang Undang-undang ini, kerana Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang yang cukup baik, kebetulan pula Menteri Kewangan telah membuat keputusan pecah dengan Singapura. Jadi, tidak ada masalah lagi yang kita hendak bahas, cuma apa yang kita minta apabila disusunkan hak kepunyaan kita sendiri di Malaysia ini mintalah supaya diambil perhatian perkara-perkara yang berkaitan masalah negara kita. Janganlah kita hiraukan apa yang akan berlaku, umpamanya negara jiran kita Singapura, biarlah dia fikir hal dia, jangan kita fikir hal dia, kita fikir hal kita. Saya takut kita berfikir hal dia, ketinggalan hal kita. Jadi umpamanya kalau sekiranya kita pecahkan senarai syarikat-syarikat di dalam negeri kita ini sahaja masukkan dalam senarai. Singapura ia memikirkan syarikat-syarikat mana yang dia hendak senaraikan. Kalau dia hendak menerima syarikat kita senaraikan dalam "stock exchange" dia biar dia senaraikan. Barangkali syarikat kita boleh menjualkan saham di sana tidak menjadi masalah, tetapi bagi kita, kita buat keputusan untuk kita. Itulah sebaik-baik pada pemikiran saya boleh jadi bagi peringkat permulaan kita berasa pasaran kita itu menjadi lebih kecil daripada yang ada hari ini, tetapi bagi permulaan walaupun kita susah pada masa depan barangkali pembeli-pembeli saham itu dia mahu yang dia beli saham itu tidak dipermainkan oleh mereka yang mempermainkan saham di luar negeri. Mereka mengenali syarikat itu berada dalam negaranya sendiri mempunyai harta dan perniagaan di dalam negaranya sendiri, tidak menjadi satu khayal di luarnya yang kita tidak tahu kedudukannya itu.

Kita tak mahu juga rakyat kita di sini beli satu saham yang syarikat itu di Singapura, kita tak tahu apa hal di sana. Ini lebih baik, lebih selamat bagi kita menyusun satu kaedah yang seumpama itu.

Tuan Wong Seng Chow: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, there is, as most of the speakers have said, very little that can be said on this Bill. However, I wish to comment on the presentation of the Bill earlier on by

ialah Bil yang kedua. Bil bacaan kali yang pertama yang telah dimaksudkan itu adalah **berlainan daripada Bil ini.**

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Bil ini tidak berlainan sangat, cuma ada pindaan-pindaan yang sangat sedikit sekali, dan betul-betul dalam siaran-siaran akhbar semua repot-repot itu kadang-kadang tidak semuanya betul, ada kesilapan di sana-sini, maka dengan sebab itulah ucapan ini diedarkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan juga ahli-ahli Yang Berhormat telahpun menerima lapuran ataupun warta Parlimen yang telahpun membentangkan ataupun mengisytiharkan berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat Menteri dalam sidang Parlimen baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba memberi penjelasan sedikit sebanyak tentang perkara-perkara yang tidak dibangkitkan oleh Senator Ibrahim bin Haji Yaacob berkenaan dengan wang pertaruhan yang lebih kurang \$750,000 atau lebih ataupun kurang. Ini adalah dalam bahasa Inggeris seat money, bagi satu kerusi ataupun seat di dalam stock exchange dan wang ini akan dijadikan wang kesetiaan ataupun dalam bahasa Inggerisnya Fidelity Fund of the exchange dan ini akan digunakan untuk membayar balik wang yang dituntut oleh peniaga-peniaga terhadap ahli-ahlinya yang telah menjadi bengkrap, atau telah melarikan diri. Wang ini untuk pertaruhan bagi menjaga hal-ehwal pembeli-pembeli saham. Wang ini sangat mustahak dan saya percaya untuk memberi kepercayaan kepada orang ramai terhadap satu-satu perniagaan saham.

Berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bertanya berkenaan dengan Capital Issues Committee. Ini saya suka menjelaskan sedikit dalam bahasa Inggeris, dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua.

(*Dengan izin*) The Capital Issues Committee was established in 1968 by the Minister of Finance for the express purpose of regulating new issues of shares as well as to provide a "watchdog" service over the Stock Exchange. The Committee has in the past performed this function as well as has advised the Stock Exchange on various matters pertaining to the orderly running of the market place.

However, the Committee in the past had no special legal recognition and therefore it has **been decided that this Committee which had** carried on this function informally should be recognised in the Securities Industries Bill and thus you will see Section 3, iaitu yang berbunyi: "The Minister may from time to time consult the opinion of a panel of experts now known as the Capital Issues Committee on matters relating to the securities industry", dan Committee ini ialah sebagai "watchdog" untuk menjaga dan menolong bagi menjalankan pentadbiran Undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini.

Berkenaan dengan "self-regulation" barangkali Ahli Yang Berhormat itu harus kurang faham sedikit, iaitu, self-regulation itu relates to the ethics of the members in their conduct; the conduct of the members in relation to admission, expulsion of members dan perkara yang lain-lain lagi. These regulations must contain such provisions as mentioned in Clause 6 (ii). However, there are certain duties, obligations, etc. under the Act which they must comply. This licence may be cancelled by the Registrar if a member is found to be an unfit and improper person to hold the licence.

A member of the Stock Exchange, though he is required to take up a licence, is not required to deposit as in the case of the other dealers as you would see in Clause 19, as that member has to contribute to the Fidelity Fund of the Stock Exchange which comes under Part IX of the Bill.

Yang Berhormat Senator Tuan Kamarul Ariffin ada menyebutkan berkenaan dengan menyalah-gunakan wang oleh broker-broker iaitu broker yang membeli saham untuk dirinya sendiri daripada wang client mereka.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Bukan dia menggunakan wang client itu, tidak. Dia beli untuk hak dia dahulu, dengan duitnya sendiri, itulah yang saya maksudkan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Kalau duit client maka undang-undang ini tidak membenarkan broker membeli on his own behalf or as a beneficial owner. The Minister is empowered to make regulations under Clause 96 (1) (f) and (g). Details will be worked out later. (*see* also offences under Clause 84 (1) (a)).

Dalam undang-undang ini menguntungkan segala peruntukan yang difikirkan perlu bagi mengawal supaya broker ini tidak menyalahgunakan kedudukannya.

Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan ada menyebutkan berkenaan dengan syarikat-syarikat luar negeri tidak patut dimasukkan dalam senarai Malaysia Stock Exchangenya. Pada masa ini kompeni-kompeni luar negeri ada termasuk dalam senarai stock exchange kita. Ini tidak menjadi halangan, oleh kerana memberi peluang kepada orang-orang kita dan rakyat-rakyat kita membeli saham daripada syarikat-syarikat luar negeri juga bukan syarikat dalam negeri sahaja.

Berkenaan dengan memasukkan senarai kompeni-kompeni yang dipunyai oleh bumiputra samada kompeni-kompeni bumiputra ataupun kompeni-kompeni yang lain hendak dimasukkan dalam senarai itu hendaklah diperiksa dahulu, disiasat dan kalau kiranya didapati sesuatu perniagaan itu tidak sesuai, ataupun tidak begitu untung, haruslah Kerajaan tidak akan masukkan syarikat-syarikat itu di dalam senarai Stock Exchange Malaysia. Juga saya suka menambah sedikit barangkali Ahli-ahli Berhormat sekalian faham bahawa MARA mengadakan senarai yang berasingan, oleh sebab hendak menjaga saham-saham bumiputra supaya tidak dibeli oleh orang-orang bukan bumiputra. Jadi kalau dimasukkan dalam senarai yang bebas, saya fikir tentulah banyak daripada saham anak bumiputra akan dijual kepada orang-orang bukan bumiputra.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Untuk penerangan. Saya mencadangkan supaya stock exchange ini apabila kita tubuhkan di Malaysia berasingan dengan Singapura supaya dibuat satu kaedah yang boleh disenaraikan juga syarikat-syarikat itu walaupun senarai itu berasingan, tetapi di bawah kelolaan Stock Exchange itu untuk dapat bersama-sama masuk dalam perniagaan saham di Malaysia ini. Ini satu kaedah yang baharu, sebab pada masa ini saham-saham bumiputra ini tidak boleh dijual kepada orang yang bukan bumiputra.

Oleh kerana itu, saham-saham itu tidak timbul langsung, tidak ada penjualan saham yang ada ialah saya katakan MARA membuat Unit Trust, menjualkan saham itu

dengan cara Unit Trust. Ini satu langkah permulaan untuk menolong orang Melayu menggalakkan orang Melayu membeli saham.

Tetapi cadangan saya itu ialah supaya Stock Exchange yang kita akan tubuhkan khas untuk Malaysia itu mengelolakan sama saham-saham bagi syarikat-syarikat bumiputra yang besar-besar yang difikirkan patut disenaraikan. Umpamanya sebagai Syarikat Gula Perak, Syarikat Permodalan Kebangsaan dan pada hari ini syarikat-syarikat Kerajaan-kerajaan Negeri telah menubuhkan syarikat-syarikat permodalan tiap-tiap negeri. Boleh dikatakan berpuluh-puluh syarikat-syarikat besar-besar yang disokong penuh oleh Kerajaan, tetapi sahamnya tidaklah dijual kepada orang-orang. Begitulah maksud saya bukan kata hendak menyuruh masuk dalam senarai yang sama yang terpaksa boleh dijual kepada orang yang bukan bumiputra, tidak.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Keputusan ini akan dikaji dengan halusnya, walaumacammapun seperti di masa ini syarikat-syarikat Melayu yang besar telahpun disenaraikan di dalam Pasaran MARA. Saya rasa, itu adalah mencukupi untuk waktu ini. Jadi walaubagaimapun, perkara yang disyorkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan itu akan diambil ingatan.

Berkenaan dengan tegurannya kita selalu membuat lewat undang-undang yang patut dibuat awal-awal, bahkan Singapura pun belum lama membuat undang-undang ini, Bil ini sudah beberapa lama dibuat juga di Singapura tetapi tidak diluluskan sehingga baharu-baharu ini sahaja dan kita tentulah sebagai kita semua tahu, negara baharu yang muda kita kena mempelajari dahulu daripada pengalaman-pengalaman yang telah dihadapi oleh negara-negara yang telah maju dan yang telah mengadakan undang-undang ini. Jadi satu perkara hendaklah kita kaji dengan halusnya sebelum kita mengambil satu-satu langkah.

Berkenaan dengan tegoran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Wong Seng Chow berkenaan dengan protection of the investors, it is felt that the provisions of Part X, Trading in Securities, are adequate: for example, provisions relating to false trading

and market rigging transactions, dissemination of false information. Pembahagian ini telahpun mengandungi berkenaan dengan kawalan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu. Dengan ini, saya berharap penjelasan ini sudah memuaskan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan sedikit. Tadi saya ada mengemukakan keraguan saya berkenaan dengan Wartawan Kewangan daripada luar negeri. Kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penjelasan sedikit berkenaan dengan hal itu.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Sebagai Ahli Yang Berhormat itu sedia mengetahui di Mahkamah-mahkamah kita cuma ada jurisdiction terhadap orang-orang yang ada dalam negara ini. Tetapi jikalau orang-orang asing, orang luar mengkeritik kita, maka kita tidak boleh hendak mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka, tetapi apabila mereka ada dalam negeri ini membuat keterangan-keterangan yang salah, yang tidak betul maka bolehlah kita mengambil tindakan undang-undang di bawah peruntukan-peruntukan di dalam Bil ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar yang orang itu di luar negeri, dia memang tidak sampai ke mari, tetapi surat khabarnya sampai ke mari, jadi itulah yang saya maksudkan. Adakah surat khabarnya sahaja yang dijaga ataupun mesti juga dilindung daripada surat khabarnya luar sampai ke mari? Saya beri contoh umpamanya *Far Eastern Economic Review*, mereka dari semasa ke semasa membuat laporan berkenaan dengan kedudukan sekuriti di negeri kita. Kadang-kadang bila kita baca kita sendiri hendak marah, kerana apa yang dikatakan itu tidak betul. Jadi adakah di bawah peruntukan undang-undang ini boleh meliputi mereka, adakah kawalan terhadap itu?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bil ini tidak ada peruntukan untuk mengharamkan majallah-majallah atau akhbar-akhbar lain yang masuk ke dalam negeri ini, kecuali tulisan itu mengancam keselamatan negara kita. Kita sebagai sebuah negara yang berdemokrasi

tidaklah akan mengharamkan majallah-majallah yang mengkeritik kita dengan secara ikhlas. Tetapi kalau tidak betul keritikannya, biasanya kita menjawab bahkan di dalam *Far Eastern Economic Review* begitu juga *London Times* kita telahpun menghantar jawapan dan mereka telah memasukkan teguran-teguran yang kita telah buat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 98—

Datuk Athi Nahappan: (*Dengan izin*) Mr Chairman, concerning Clause 3 of the Bill which refers to the Capital Issues Committee, can the Honourable Minister give some information to the House as to when the Capital Issues Committee itself will find a legal standing. As it is, the existence of it is based on policy, but it has now been clothed with legal recognition in Clause 3 but without a legal existence as such. It has found recognition in this Clause.

The Capital Issues Committee plays a great deal of importance in matters relating to capital particularly where listed public companies issue capital to the public. They take a great deal of interest in examining all related matters as to the companies' financial position and particularly the valuation of the Companies' properties and assets backing and see to the fairness and the equitability of distribution having regard to the policy of the Government on new issues. That is all right in so far as issues of listed public companies are concerned, but when it comes down to public companies unlisted, the situation is not very clear as to the role of the Capital Issues Committee. It is still largely a matter of policy and when, for instance, an unlisted public company wants to issue new shares to its existing shareholders where it wants to raise its capital, it becomes an issue of capital of a public company and it is not very clear as to whether it should get a clear approval

of the Capital Issues Committee before it issues to its shareholders as right issues, or whether it should consult the Capital Issues Committee, or it should at least refer the matter to the Capital Issues Committee or keep it informed. This is an area of lack of clarity and enquiries made to the Capital Issues Committee did not receive a clear-cut answer on this. It has been said, "Well, you could keep us informed and we would not object if it is a matter of right issue to existing members and if it is a matter of getting new capital, we might look into" and so on and so forth. This situation is not too clear, particularly having regard to the Government's policy in regard to equity in investment, the distribution of opportunities in the field of investment of the peoples of this country in the light of the policies enunciated in the Rukunegara. Therefore I think the time has come for the Capital Issues Committee to find a legal basis because its roles is beyond the scope of this legislation which is intended. It has an important role to play in other aspects too, although it generally says that on matters relating to the security industry the Minister may consult the opinion of this panel of experts who sit on this Committee. I feel that the time has come that there should be a legal provision governing the existence, the composition and the functions of the Capital Issues Committee and I would appreciate it very much if the Honourable Minister will indicate as to when this is likely to see the light of day.

Sir, the other thing that I would like to touch upon is in respect to Clause 24. Clause 24 provides for appeal against the decision of the Registrar and it also provides for appeal to the Minister, generally speaking, and to the High Court against the decision of the Registrar—under Clause 23. Clause 23 deals with the question of cancellation of licence. If the Registrar thinks that the licensee is not a fit and proper person to hold the licence, then he is at liberty to cancel the licence.

Earlier on, Sir, in Clause 19 it has been provided that a licence-holder has to deposit \$100,000 with the Accountant-General as a pre-condition for obtaining a licence. \$100,000 is \$100,000 though my friend across the House had even suggested that it should be increased to \$200,000. Leaving the merit of the quantum, considering the

principle, here is a tidy sum given as a consideration for the licence and if the licence is to be cancelled and if the aggrieved party is given the liberty to appeal to the High Court, then I would suggest that the aggrieved party's right should not end there. Under sub-clause (2) of Clause 24, it says that the decision of the High Court is final. I think this is a matter of some importance because, firstly, the consideration is big; secondly, a person whose licence is cancelled is never likely to get another licence and since the refusal of a licence touches upon the fitness, on the propriety, on the character of the person concerned, it will also be considered as a reflection upon the person himself, that he is not a fit and proper person to hold the licence. So he will have a slur cast upon him as a businessman, that he is unfit. It is only fair that he should be given the whole way through the line of Judiciary to get his remedy. I do not in any way cast aspersions on the fairness or the ability or the standard of the High Court in granting justice. But, we have the highest tribunal in the country, which is the Federal Court, and which is composed of three Judges and he should be given the right to go there and vindicate himself, exonerate himself and prove that he is worthy of continuing with his licence. I think in fairness this needs reconsideration, at some stage, and I hope that this will be done.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap dalam bahasa Inggeris. Saya suka juga mengambil bahagian dalam perkara ini.

(Dengan izin) Sir, we cannot amend the Bill at this stage. So whatever suggestions made by the Honourable Member will be considered, but I can tell the House that the Clause concerned, Clause 24, has been given full thought by everyone, including members of the Cabinet; we thought the appeal should only go up to the High Court, not higher than that. So we have given full thought to that and we thought that it should be the end. Let this Bill go through first and we will see later on how it works and if the Government considers that it is really necessary that this should be amended, that the appeal against the decision of the Registrar should go higher than the High Court, that is to the

Federal Court which is the final Court of Appeal, we will consider that. But this Clause 24 has been given full thought when it was drafted by the Government.

As regards Clause 3—the Capital Issues Committee—I agree that it is not defined here at all, but I think most of us are already aware that there is already in existence, for a number of years, a Capital Issues Committee whose members are appointed by the Minister of Finance and I think the Chairman is the Governor of Bank Negara and this Committee investigates and studies very, very carefully before any capital issues go to the public. The Minister of Finance knows what is the policy, what are the matters to be taken into account by the Capital Issues Committee and although it is not defined here, we all know already that the Minister, if he needs to consider any security industry, can refer it to the Capital Issues Committee which is especially appointed by him.

Again, the Capital Issues Committee also regulates issues of capital of public companies even though these companies are not listed on the Stock Exchange. That is what I was informed lately. In fact, this letter has been sent to the Bar Committee and the Malaysian Association of Public Accountants. But the Honourable Member just now was asking us to put the Capital Issues Committee on a legal basis. I think that will be considered by the Government and we will take this issue to the Minister of Finance.

Fasal 1 hingga 98 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan ~~diluluskan~~.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat di-ditangguhkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.45 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Jualan, 1972" dibaca bagi kali keduanya.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda beberapa seksyen dalam Akta Cukai Jualan, 1972 dengan beralaskan kepada pengalaman yang didapati daripada pelaksanaan cukai jualan semenjak ianya berkuatkuasa mulai pada 28hb Februari, 1972. Pindaan-pindaan yang berkenaan adalah diterangkan dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Pindaan-pindaan yang dianggap penting adalah pindaan-pindaan kepada Seksyen-seksyen 7, 10, 13 (2) dan 33. Seksyen 7 ialah untuk menentukan nilai jualan bagi mengenakan cukai jualan. Seksyen ini menganggap bahawa semua pengilang-pengilang membuat barang-barang dengan menggunakan bahan-bahan kepunyaan sendiri dan oleh yang demikian cukai jualan yang dikenakan adalah atas nilai jualan barang-barang tersebut. Sungguhpun begitu, daripada pengalaman yang diperolehi, adalah didapati bahawa setengah-setengah pengilang seperti tukang-tukang jahit dan pembuat pakaian-pakaian ada menggunakan bahan-bahan yang telah bercukai yang diberi dan dipunyai oleh pelanggan-pelanggan mereka. Bagi kes-kes yang seperti ini, tidaklah adil jikalau cukai jualan dikenakan ke atas nilai barang-barang tersebut seperti yang ditentukan di bawah seksyen 7 oleh kerana bahan-bahan ini ialah kepunyaan pelanggan-pelanggan itu. Oleh kerana itu, adalah mustahak bagi satu pindaan diadakan untuk menentukan nilai bagi pembayaran cukai jualan berdasarkan kepada bayaran yang dikenakan oleh pengilang-pengilang bagi pekerjaan yang dijalankan. Ketua Pengarah Kastam, di bawah arahan Menteri adalah diberi kuasa bagi menentukan nilai bagi maksud tersebut.

Seksyen 10 adalah memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan seseorang daripada bayaran ke atas semua atau sebahagian daripada cukai jualan yang patut dibayar atau mengarahkan pulangan cukai yang telah dibayar oleh orang tersebut tetapi tidak memberi kuasa bagi mengecualikan atau mengarahkan bayaran balik cukai kepada golongan orang-orang. Seksyen ini tidak juga memberi kuasa bagi mengecualikan bayaran denda-denda yang boleh dikenakan di bawah Akta ini. Pindaan kepada seksyen ini adalah untuk memberi kuasa ke atas perkara-perkara tersebut.

Adalah juga dicadangkan bahawa seksyen 13 (2) dipinda bagi membolehkan seseorang yang tidak menjalankan pengilangan tetapi di sebaliknya mengupah atau membayar pekerja-pekerja bagi menjalankan pengilangan mereka dan yang mana juga lebih suka dilesenkan dan menerima tanggungjawab membayar cukai yang sepatutnya ditanggung oleh pekerja-pekerja itu. Misalan pengilang-pengilang yang dimasukkan dalam jenis ini ialah tukang emas dan pembuat-pembuat pakaian.

Seksyen 33 adalah juga dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi meremitkan sepenuhnya atau sebahagian daripada bayaran-bayaran denda yang dikenakan di bawah seksyen 24. Peruntukan ini adalah dimasukkan untuk membolehkan Menteri menimbang dan meluluskan permohonan-permohonan bagi remitan di mana beliau berpendapat bahawa remitan itu adalah adil dan saksama dan tertakluk kepada syarat-syarat yang beliau fikir berpatutan bagi mengenkannya.

Pindaan-pindaan yang lain di dalam Akta ini adalah kecil dan dibuat untuk membetulkan kesilapan dan kekurangan ataupun untuk menentukan pentadbiran Akta ini dengan cara yang lebih baik. Hal-hal ini ada dicatitkan di dalam Huraian kepada Bil ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SABAH) (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan suatu Rang Undang-undang bernama Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan) (No. 2), 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Seksyen 32A Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim, (Sabah) (Bab 156). Selaras dengan Seksyen 7, Ordinan tersebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri yang berkenaan telah melantikkan seorang Actuary bagi menilai tabung yang tersebut di atas itu setakat yang terdapat pada 31hb Disember, 1969. Penilaian ini telahpun siap dibuat dan hasil kajian tersebut telah menunjukkan di antara lain bahawa:

- (1) Tabung itu telah meningkat daripada \$6,589,718 pada 31hb Disember, 1965 kepada \$11,636,403 pada 31hb Disember, 1969.
- (2) Kajian menunjukkan wang lebih berjumlah sebanyak \$224,000.

Actuary yang telah dilantik itu telah mengesyorkan supaya pencen yang mula dibayar pada atau sebelum 31hb Disember, 1965 dan yang masih dibayar pada 1hb Januari, 1970 dinaikkan kepada 25% mulai daripada 1hb Januari, 1970. Kenaikan pencen ini akan menelan belanja sebanyak lebih kurang \$150,000. Kerajaan telahpun menerima cadangan Actuary itu dan bagi membolehkan bayaran yang dibuat sebagaimana yang disyorkan, maka Seksyen 32A Ordinan

itu hendaklah dipinda. Tambahan ini dikuatkuasakan mulai daripada 1hb Januari, 1970.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Rang Undang-undang bagi meminda Akta Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, 1969 dibaca bagi kali yang kedua.

Pindaan di bawah Fasal 3 adalah untuk mengubah perwakilan Kementerian-kementerian di dalam Lembaga Pengelola MARDI di bawah Seksyen 5. Perwakilan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan digantikan oleh perwakilan daripada Kementerian Perusahaan Utama sebagai satu penyesuaian dengan tugas-tugas Kementerian itu. Perwakilan dari Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan dimasukkan dengan tujuan memperbaiki bagi penyelesaian yang boleh dilakukan antara usaha penyelidikan oleh MARDI dengan penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan oleh Institiut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara.

Pindaan di bawah Fasal 4 meluaskan tugas-tugas Lembaga Pengelola MARDI supaya dimasukkan tugas bagi menentukan dan menguntukkan pemberian-pemberian bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan lain untuk menjalankan penyelidikan dan juga mengeluarkan biasiswa, hadiah dan pemberian pelajaran yang dibiayai oleh Institiut itu. Pindaan ini akan memperkukuhkan lagi kegiatan MARDI bagi menjalankan penyelidikan dan latihan pakar-pakar pertanian menerusi biasiswa dan hadiah dan pemberian pelajaran. MARDI juga akan dapat menambah kegiatan-kegiatannya untuk memberikan sokongan penyelidikan yang perlu kepada rancangan-rancangan pertanian yang dianjurkan oleh Kerajaan atau Badan-badan Kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Lembaga Kemajuan Pertanian, Kemubu, Universiti-universiti dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan sebagainya.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda Seksyen 8 dengan menyusun semula ahli-ahli Majlis Sains Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia. Pindaan ini juga menentukan kuasa lantikan ahli-ahli Majlis Sains yang diberikan kepada Menteri yang berkenaan.

Fasal 7 ialah pindaan yang berikut untuk menentukan tugas menyimpan rekod Persidangan-persidangan Majlis Sains sebagai tanggungan Institiut.

Fasal 8 yang meminda perenggan 2 di bawah Jadual kepada Akta menentukan qoram Lembaga Pengelola Institiut sebanyak 4 orang ahli.

Saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-ngalukan pindaan ini, oleh kerana saya percaya tujuan Kerajaan mengadakan pindaan ini ialah supaya MARDI dapat berjalan dengan lebih rancak lagi dan memberi perkhidmatannya kepada badan-badan yang boleh menggunakan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh badan ini.

Sebenarnya MARDI ini menjalankan usahanya dahulunya dijalankan oleh Kementerian Pertanian dengan secara tidak tersusun, tetapi dengan adanya MARDI, maka

penyelidikan ini dijalankan dengan tersusun dan ke arah membawa faedah kepada negara.

Kerja yang dijalankan oleh MARDI ini adalah berfaedah dan oleh kerana itu, saya percaya hasil daripada usaha MARDI ini akan memperbaiki ekonomi di dalam negara kita ini. Malangnya saya ingin menarik perhatian tentang peruntukan yang diberi kepada MARDI ini. MARDI berkehendakkan kepada peruntukan yang banyak kerana bermacam-macam desakan telah dihalakan kepada MARDI untuk membuat penyelidikan, kerana penyelidikan ini boleh menyokong pembangunan ekonomi di dalam negara kita. Dan nampaknya MARDI tidak mendapat peruntukan yang mencukupi. Oleh kerana itu, MARDI terpaksa mencari sokongan daripada saluran-saluran yang lain iaitu peruntukan daripada MARDI digunakan untuk penyelidikan di dalam setengah-setengah bidang dengan secara percuma, tetapi di dalam bidang-bidang yang lain pula MARDI berkehendakkan kepada bantuan kewangan supaya MARDI dapat menjalankan penyelidikan ini.

Di dalam bidang penyelidikan berkenaan dengan penanaman nenas umpamanya. Perusahaan nenas ini ialah satu perusahaan yang lama ada di Malaysia ini, bermula hampir tahun 1900. Daripada perusahaan ini tidak ada bantuan sama sekali daripada pihak Kementerian Pertanian yang mencukupi. Ada badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menolong perusahaan nenas, ini, tetapi badan ini juga tidak dapat berjalan seperti yang dikehendaki dan dijangkakan oleh pekebun-pekebun nenas. Sekarang ini pihak MARDI telah mengambil alih daripada Malayan Pineapple Industry Board (M.P.I.B.) kerja-kerja berkenaan dengan penyelidikan. Malangnya M.P.I.B. mengutip cess daripada perusahaan nenas ini untuk membiayai usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak M.P.I.B. Dan sekarang ini oleh kerana MARDI mengambil alih kerja penyelidikan, maka cess ini terpaksa diberi kepada MARDI bermaknalah di dalam perusahaan nenas ini pihak orang yang terlibat di dalam industri mengetingkan nenas ini terpaksa membelanjakan sendiri untuk menjalankan penyelidikan melalui MARDI. Kalau di dalam perusahaan pertanian yang lain pihak MARDI dapat menjalankan penyelidikan dengan secara percuma, apakah

salahnya kalau MARDI juga menjalankan penyelidikan dalam bidang nenas ini dengan secara percuma, iaitu perbelanjaannya di-biaya oleh Kerajaan sendiri. Kerana hasil daripada penyelidikan ini, kalau digunakan oleh perusahaan nenas akan mendatangkan faedah bukan sahaja kepada orang-orang yang memiliki perusahaan ini, tetapi sebenarnya kepada negara, kerana perusahaan nenas ini memberi kerja kepada begitu banyak penduduk-penduduk di Johor dan mereka ini kalau tidak dengan adanya perusahaan nenas sudah tentu akan menganggur dan ini akan menjadi bebanan kepada Kerajaan kita.

Jadi adalah benar dan sepatutnya kalau pihak Kerajaan membantu MARDI dengan kewangannya sendiri dalam penyelidikan-penyelidikan berkenaan dengan penanaman nenas dan lain-lain yang bersangkutan dengan perusahaan ini. Juga satu daripada perkara-perkara yang menganggu MARDI ini ialah kekurangan kakitangan. Pada masa sekarang ini desakan daripada pihak-pihak yang ingin menceburkan ke dalam agro-based industry adalah banyak tetapi kalau desakan ini datang bertalu-talu kepada MARDI, mungkin MARDI tidak akan ada cukup pegawai untuk menjalankan penyelidikan. Saya kurang tahu samada MARDI ada peruntukan untuk mendapat pegawai-pegawai pinjaman. Sekarang inipun ada pegawai-pegawai pinjaman, tetapi mungkin tidak cukup. Saya berharap bahawa wakil-wakil yang terdiri daripada Kementerian-kementerian yang baharu ini dapat menimbangkan supaya MARDI ini dapat disokong oleh penyelidik-penyelidik daripada badan-badan yang bukan Kerajaan, umpamanya daripada pihak swasta supaya mereka ini boleh bekerjasama dengan pegawai-pegawai MARDI di dalam satu-satu rancangan penyelidikan. Dengan cara ini, mungkin akan mengurangkan belanja MARDI dan kebolehan-kebolehan mereka ini di dalam bidang-bidang yang tertentu akan dapat diberi kepada pegawai-pegawai MARDI sendiri.

Inilah sahaja teguran yang dapat saya buat dan saya menyokong pindaan yang dibuat di dalam undang-undang ini.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana dengan pindaan

ini kita berharap badan ini dapat diperkemas dan hasilnya akan memberi kegunaan yang besar kepada rakyat di negara kita ini.

Sungguhpun saya tidak mengetahui dengan cara jelas tentang hasil-hasil yang telah diperolehi daripada badan MARDI ini setelah ditubuhkan selama ini, tetapi saya percayalah nama MARDI itu ialah satu nama baharu yang diletakkan untuk meneruskan pekerjaan yang telah lama dibuat oleh Bahagian Penyelidikan Pertanian ini, cuma nama baharu ditaruh MARDI, tetapi kerjanya saya rasa lebih kurang apa yang telah dibuat cuma ditambah sedikit-sedikit sahaja.

Saya suka hendak menarik pandangan pihak Kementerian yang berkenaan dan pihak perbadanan atau badan MARDI ini supaya menghalakan pandangan kepada apa yang dibuat oleh jiran-jiran yang berdekatan dengan negara kita ini.

Umpamanya, saya suka hendak menunjukkan satu contoh negeri Thai (Negeri Siam) bersedap dengan negeri kita. Pada masa dahulu kita dapat buah-buahan anggur ini daripada negeri Eropah, negeri Australia dan lain-lain negeri. Tetapi hari ini Negeri Thai dia boleh buat keluar buah anggur yang dapat dipasarkan sehinggalah ke negeri kita sendiri. Kalau dahulu kita makan buah anggur daripada Australia hari ini kita makan buah anggur daripada Siam (Thailand) yang pada dahulu masam sekarang sudah manis mengikut daripada kemajuan yang dilakukan oleh negeri itu. Jadi begitu juga pokok-pokok yang lain macam pokok durian. Pokok itu kecil buahnya besar. Kita makan separuh pun sudah kenyang. Barangkali hasil ini saya pun tidak tahu tetapi saya rasa ini hasil daripada kemajuan penyelidikan di negeri Thai. Sungguhpun negeri kita ini menyekat kemasukan benih-benih ini daripada Thailand ke Malaysia ini, tetapi saya tahu banyak orang mengimpor benih menerusi Thailand dengan cara menyeludup membawa masuk ke sini benih-benih ini dijual di negeri kita ini. Ini menunjukkan ada 2 perkara: yang pertama perkara penyelidikan yang boleh menghasilkan satu tenaga cara baharu; yang kedua dihebohkan kepada rakyat yang rakyat ikut menggunakan hasil penyelidikan itu dan menanamkannya, menggunakan benih dengan secara besar-besaran.

Perkara ini adalah satu perkara yang mustahak kerana pernah saya dengar dalam akhbar ataupun bagi pihak Kerajaan pernah menghebohkan, macam seorang kampung di negeri kita menanam buah anggur dengan begitu besar pokoknya boleh mengeluarkan buah yang baik, tetapi barangkali itu satu dua orang sahaja yang menanam yang dapat mengeluarkan hasil itu, tetapi tidak digalakkan kepada tempat-tempat yang lain, kawasan lain, kampung lain umpamanya untuk membanyakkan pengeluaran buah-buahan yang boleh menggantikan kemasukan buah-buahan daripada luar negeri.

Kalau sekiranya penyelidikan ini dapat dibuat, dapat menghasilkan tanaman yang cara baharu ini dan dapat dihebohkan pula kepada orang kampung dan orang kampung boleh menggunakan, boleh mendapatkan hasil yang baik saya rasa banyak orang kampung suka hendak menanam pokok-pokok atau tanaman yang boleh menambahkan hasil mereka. Tetapi inilah saya rasa patut Kerajaan, bukan sahaja menyelidik, tetapi menggunakan ataupun menggerakkan orang kampung menggunakan hasil penyelidikan itu. Umpamanya di Kelantan, kalau di Perlis boleh ditanam tebu misalnya ataupun di negeri-negeri sebelah Pantai Barat boleh menanam tebu barangkali Kelantan pun boleh juga tanam tebu, ada juga tanah yang boleh ditanam tebu, dibuatkan cara small-holdings untuk bertanam tebu umpamanya, ataupun banyak lagi pokok-pokok buah yang ditanam di sebelah Pantai Barat yang boleh digalakkan supaya ditanam di Pantai Timur. Tetapi benda ini tidak digalakkan ataupun hasil penyelidikan ini tidak dihebohkan. Kalau saya tengok MARDI buat percubaan tanam pokok gajus daripada India ataupun benih daripada luar tanam di sebelah Pahang umpamanya begitu. Kita tengok kalau di sebelah Trengganu, banyak lagi tanah-tanah yang kosong, tanah-tanah yang tidak boleh ditanam dengan pokok lain melainkan pokok gajus. Beratus-ratus ekar boleh ditanam, tetapi tidak ada satu penyelidikan bumi yang dibuat di kawasan-kawasan ini yang kawasan ini tidak dapat ditanam pokok-pokok yang bermacam-macam tetapi ada pokok tanaman yang boleh ditanam di atas tanah yang jenis itu.

Kalau sekiranya MARDI meluaskan aktiviti penyelidikan ke kawasan-kawasan tanah-tanah yang begitu besar, begitu luas di

segenap jeruk negara kita ini, maka saya rasa **baharulah rakyat** dapat merasai nikmat daripada hasil penyelidikan MARDI ini. Jadi itulah saya rasa, saya menyokonglah Senator Dr Mahathir supaya diperbanyakkan kakitangan penyelidikan, kalau perlu, kita bawa orang yang boleh menolong kita dalam penyelidikan ini dan saya rasa inilah mustahak kita buat pada masa ini.

Baharu-baharu ini sewaktu kita berbahas berkenaan dengan undang-undang Lembaga Peladang, kita kekurangan Pegawai Pertanian Muda umpamanya dan kita harap cuma Serdang sahaja dapat mengeluarkan. MARDI pula kita kata kurang pegawai, kurang kakitangan, kurang penyelidikan. Tiap-tiap kali kita berbahas satu-satu badan yang perlu kepada expertise ataupun pakar ataupun pekerja maka marilah masaalah kekurangan. Dari segi ini, saya rasa perlulah negara kita mengambil satu perhatian yang berat mengadakan wang yang cukup, mengadakan pusat-pusat latihan yang cukup, menambah tenaga pengajar yang cukup supaya dapat kita mencukupkan keperluan negara dalam masaalah yang penting ini.

Saya tengok badan-badan umpama macam MARDI ini mengandungi beberapa orang pegawai daripada Kementerian Pertanian. Jadi perlu kita berkehendakkan kepada orang yang dinamis, orang yang bukan sahaja daripada Kementerian, bahkan kita mahu kepada orang individu yang ada perasaan, yang ada kecenderungan, yang ada kemahuan. Di sini adalah dua, tiga orang barangkali yang dicadangkan. Saya fikir paut kita ada orang yang boleh memberi fikiran, menguatkan perjalanan MARDI ini umpamanya macam Dr Mahathir kita. Beliau ialah Pengerusi FIMA, ada juga kaitan dalam pertanian, hendak buat lebih kemajuan dalam perhatian dan sebagainya, seorang daripada ahli kita di sini yang patut dimasukkan, dilantik masuk dalam badan ini. Beliau senyum, beliau bersetujulah dengan saya, jadi menyokong. Orang yang ada perasaan dinamis dan perasaan cenderung kepada membantu rakyat macam ini perlu dimasukkan, orang muda, orang yang seumpama itu mesti dimasukkan, supaya jentera kita ini lebih dinamis lagi berjalan. Itulah sahaja pendapat saya di atas Rang Undang-undang ini.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong Rang Undang-undang ini supaya diluluskan, kerana kita memang semua mengetahui dan menyedari bahawa badan yang seumpama ini adalah sangat perlu untuk kebaikan rakyat dan negara kita, terutama sekali dalam masa kita sekarang ini sedang berusaha untuk mempelbagaikan pertanian di negara kita.

Saya hanya suka menyentuh sedikit perkara iaitu berhubung dengan satu tanaman yang popular di Trengganu. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu mengetahui sedikit masa yang lalu limau langkat Trengganu adalah satu jenis tanaman yang terkenal dan masyor dengan manis dan lazat rasanya, tetapi dalam masa-masa yang akhir ini kemasyoran limau langkat Trengganu ini telah kurang dan tidak begitu lagi digemari, bahkan sehingga kepada anak tempatan sendiripun minatnya telah makin kurang dan mereka lebih suka membeli limau-limau daripada Siam yang didatangkan dengan banyaknya, walaupun limau Siam itu kecil sahaja buahnya dan tidak begitu cantik, tetapi dengan sebab manisnya limau Siam, walaupun kecil, maka orang tempatan sendiri pun lebih suka membelinya, bahkan orang Trengganu bila mereka membeli bertanya: Ini limau Siamkah atau Trengganu? Kalau kata Siam dia beli, kalau limau Trengganu jarang-jarang yang dibeli dan dengan kerana ini, maka penanaman limau tempatan telah menerima kesusahan dengan sebab kejatuhan harga.

Sebab yang utama sekali kejadian ini berlakunya ialah dengan kerana rasa limau langkat Trengganu yang saya katakan tadi dahulu masyor dengan kemanisannya sekarang tidak begitu manis lagi—masam. Tidak diketahui apa sebab. Kalau kita tanya apa sebabnya masam, penanam sendiri pun tidak dapat hendak memberi jawapan. Buahnya tidak kurang, tetapi penanaman telah berkurangan, barangkali tinggal separuh sahaja sekarang ini, daripada masa dua atau tiga tahun yang lampau. Saya rasa, ini adalah salah satu daripada perkara yang patut MARDI mengambil bahagian yang berat, iaitu menyiasat dan mencari sebab-sebab maka limau-limau ini tidak manis. Mungkin ada dengan sebab campuran bajanya ataupun dengan sebab tanahnya tidak boleh ditanam

berulang-ulang tiga, empat kali atau bagaimana? Pihak penanam tempatan tidak dapat hendak menyelaminya.

Yang kedua, saya juga suka mengulangi berhubung dengan keadaan tanah-tanah tandus ataupun tanah-tanah pasir yang banyak di Trengganu. Yang sebenarnya, ada berpuluh-puluh ribu ekar tanah-tanah di Trengganu yang merupakan tanah pasir, terutama sekali di sepanjang-sepanjang pantai daripada Dungun sampai ke Kuala Trengganu, kemudian melangkah pekan Kuala Trengganu ke kawasan Batu Rakit hingga sampai ke Besut. Tanah-tanah ini setakat yang diketahui hari ini tidak boleh digunakan, melainkan setengah-setengahnya boleh ditanam hanya dengan pokok kelapa dan jambu golok, orang Trengganu panggil, atau janggus bagi perkataan ramai. Bagi janggus ini, saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada FIMA yang sekarang ini telahpun memulakan tanaman janggus di Trengganu, iaitu pertama sekali tiga, empat tahun dahulu telahpun dimulakan oleh pihak pertanian sendiri, percubaan di kawasan Merang, iaitu di kawasan pilihanraya saya dahulu, ada lebih kurang 400-500 ekar dan sekarang ini telah dimulakan oleh FIMA di Besut, kalau tak salah barangkali 2,000 ekar akan dijalankan, tetapi dengan ini pun tidaklah dapat memenuhi kehendak yang sebenarnya berhubung dengan keperluan rakyat terhadap usaha-usaha pertanian ini, kerana saya katakan tanah ini ada berpuluh-puluh ribu. Kalau boleh ditanam dengan janggus sahaja, jadi rakyat biasa memang tidak boleh tanam janggus, sebab kalau ditanam katalah satu ekar ataupun setengah ekar, macam biasa, tidak akan mendatangkan hasil apa-apa kerana buahnya terlampau murah harga, orang-orang kampung di sana biasanya janggus ini dibiarkan tumbuh merata-rata sahaja. Mereka ini pergi mengutip buah-buahannya yang luruh dan diambil bijinya sahaja, digoreng, ertinya ini akan mendatangkan hasil yang sangat murah, tetapi kalau dibuat dengan secara besar-besaran yang FIMA buat ini moliklah. Itu hanya boleh dibuat oleh firma yang besar, tetapi bagi rakyat biasa memang tidak dapat diusahakan. Jadi, itulah sebabnya perlu tanah-tanah ini disiasat, dikaji dan dicari jalan supaya boleh digunakan dengan tanaman-tanaman biasa yang lain, tanaman lain yang boleh diusahakan dengan secara kecil-kecilan oleh penduduk-penduduk ataupun oleh orang

kampung, kerana walaupun setengah-setengah tempat boleh ditanam dengan kelapa, tetapi tidak juga begitu subur, melainkan bila ditanam satu ekar ataupun dua ekar sebagai perkampungan, diletakkan satu, dua buah rumah dalam itu, baharulah subur kerana dia subur dengan lebih-lebih makanan dan sebagainya yang menjadikan baja, baharu elok pokok-pokok tadi, tetapi kalau ditanam dengan secara kebun dan ditinggalkan dengan tidak ada orang duduk di dalamnya, tidak jadi juga. Apa yang berlaku hari ini sampai empat, lima tahun masih berkereteh maknanya pokok itu kecil begitu sahaja. Jadi, tinggal tanah-tanah ini tidak begitu memberi guna yang besar kepada anak negeri itu sendiri.

Itulah sahaja yang saya minta diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan dalam masaalah ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd Yassin:

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil sedikit sahaja bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Bahan pertanian di negara kita ini boleh dikatakan banyak. Ada yang kita gunakan untuk makanan sehari-hari dan ditanam oleh peladang-peladang kecil dengan tidak mengetahui bagaimana bahan-bahan itu boleh digunakan sebagai satu bahan yang banyak boleh dipakai oleh industri. Perkara semacam inilah rasa saya yang MARDI patut juga mengambil perhatian. Umpamanya, kita ambil serai. Pada kita selalu serai itu kita buat serunding atau kuah pindang, tetapi kalau kita pandang dengan halusnya serai itu banyak yang telah digunakan sebagai powder, make-up, Eau de Cologne yang dipakai oleh wanita dan juga dipakai oleh lelaki. Serai umpamanya boleh ditanam secara besar-besaran di negeri kita, tetapi oleh kerana tidak ada research yang mendalam, jadi tidaklah dapat kita menyebarkan kepada orang-orang kampung tanaman serai dengan besar-besaran. Saya tahu umpamanya di Mexico salah sebuah negeri yang banyak mengeksport serai kepada negeri Perancis. Perancis pula buat kolon, buat lip-stik, buat airwangi, dihantar pada kita, tetapi kita tidak sedar benda yang kita sapu ke muka kita itu ialah serai yang sebenarnya.

Dalam jurang yang semacam inilah, rasa saya MARDI juga patut mengambil perhatian untuk mengkaji apa juga bahan yang

ada di negara ini, apakah bahan itu boleh digunakan untuk industrial use. FIDA telah membuat kajian, rasa saya dengan berjaya, bidang-bidang yang dia hendak syorkan dibuat industri. Rasa saya, MARDI pun patut juga mengambil perhatian mengenai bahan-bahan pertanian yang boleh kita galakkan penggunaannya dengan lebih-lebih pesat lagi.

Satu lagi perkara, yang saya suka mengesyorkan supaya mendapat perhatian MARDI. Ini mungkin ada pertelingkahan, mungkin tidak. Ini dari segi kegunaan mesin. Boleh jadi kadang-kadang mesin ini dikatakan: Ini di bawah jagaan Jabatan Makanan dan Teknologi, mungkin tidak. Umpamanya mesin yang kita beli di sini, terutama sekali yang dibeli oleh Kerajaan. Kadang-kadang mesin yang dibeli itu tidak sesuai dan kita tidak tahu adakah mesin itu benar-benar boleh digunakan untuk industri kita. Lainlah kalau industri itu dijalankan oleh swasta kerana swasta sendiri telah buat kajiannya. Umpamanya ubi kayu macam-macam mesin boleh digunakan kepada ubi kayu, tetapi ada yang sesuai ada yang tidak. Di bawah ini juga, rasa saya, tugas itu tugas MARDI untuk mengkaji: Ini dia mesin yang sesuai. Kalau tidak, penjual mesin yang ada begitu banyak itu menjual mesin yang salah. Jadi ada mesin yang sesuai bagi negara kita dan ada mesin yang tidak sesuai. Tak usahlah kita dengar daripada penjualnya (salesman) sahaja.

Begitu juga dari segi mesin untuk mengtin. Saya tahu banyak perusahaan-perusahaan seperti perusahaan dari bahan sayur-sayuran yang hendak ditin, kadang-kadang untuk mendapatkan tin yang sesuai dan mesin yang sesuai itu menjadi masalah. Mungkin ini juga di bawah kajian atau di bawah perhatian MARDI.

Itulah sahaja pandangan saya di atas Bill ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kerajaan ber-setuju atas semua pandangan yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi kerana itulah yang menjadi dasar Kerajaan selama ini.

Saya suka menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat pada satu masa supaya diberi taklimat oleh MARDI supaya Ahli-ahli

Yang Berhormat dapat melihat sendiri bagaimana kegiatan-kegiatan MARDI dan boleh bersoaljawab dengan memberi fikiran secara langsung kepada mereka itu. Kerajaan sedia mengatur perjumpaan yang seperti itu. (*Tepuk*).

Setakat ini Kerajaan berpuas hati dengan MARDI memandangkan umur atau tempoh masa MARDI dilahirkan. Memang ada pegawai-pegawai muda di sana dan ada juga pegawai-pegawai tua. Kita tidak berkehendakkan muda semuanya, sebab orang tua mempunyai pengalaman yang lebih.

Dalam soal penyiasatan kita tidak berkehendakkan kekuatan tenaga, tetapi berkehendakkan kepada kekuatan cara berfikir. Makin lama mereka hidup bekerja, makin banyak pengalamannya. Jadi tidaklah dapat hendak dilantik orang muda semata-mata seperti yang disebut oleh Senator Datuk Nik Hassan sebentar tadi.

Pandangan daripada Senator Kamarul Ariffin memanglah menjadi dasar badan-badan berkanun dan juga pihak Kerajaan apabila hendak mengadakan satu rancangan, maka satu kordinasi diadakan. Misalnya apabila MARA hendak mengadakan satu kilang, maka nasihat-nasihat daripada badan-badan yang berkenaan seperti MARDI dan sebagainya selalu diminta kerana nasihat-nasihat mereka itu biasanya mendatangkan faedah. Perkara yang seperti itu memang ada dijalankan selama ini.

Yang Berhormat Datuk Mansur menyebutkan soal tanah pasir di Trengganu. Suka saya menjawab di sini bahawa di Malaysia ada sebanyak 9 juta ekar lagi tanah kosong yang boleh ditanam. Di Trengganu sahaja ada 900,000 ekar lagi tanah yang masih subur boleh ditanam. Pada fikiran saya, baiklah kita gunakan tenaga dan wang ringgit menggunakan tanah yang subur lebih dahulu. Kemudian daripada itu dalam tempoh yang sama penyiasatan bagi menggunakan tanah pasir itu dijalankan juga. Tidak guna kita hendak tumpukan tenaga membetulkan tanah pasir sedangkan tanah yang subur kita tidak kerjakan. Inilah dasar Kerajaan pada hari ini.

Dalam pada itu pun gajus yang sudah selalu sangat disebutkan memang ada ditanam dan pengerusi FIMA pun ada di sini dan telah menjalankan penanaman ini. Ini

pun mengambil masa kerana MARDI terpaksa menyasat lebih dahulu dan penyiasatan biasanya mengambil masa yang lama sebab ada setengah pokok sehingga 7-8 tahun baru mengeluarkan hasil, baru diketahui samada pokok itu layak ditanam ataupun tidak. Barulah kali ini mendengar limau langkat jadi masam di Trengganu. Boleh jadi bukan limau itu jadi masam, tetapi limau dari Siam lebih manis. Ini pun saya akan rojokkan kepada MARDI. Saya percaya MARDI tahu akan hal ini dan akan menjalankan penyiasatan.

Berbalik kepada rancangan tanah di Trengganu. Walaupun di Trengganu ada 900,000 ekar tanah yang boleh ditanam, tetapi dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua hanya 150,000 ekar sahaja yang akan dibuka. Bakinya 750,000 termasuk tanah pasir akan disiasat dan akan dimajukan.

Dr Mahathir menyebutkan tentang kekurangan pegawai. Ini satu perkara biasa dan juga memang semua Kementerian ada kekurangan wang. Saya berharap Dewan Rakyat dan Dewan Negara boleh meluluskan peruntukan, untuk menambah lebih banyak lagi wang supaya Kementerian yang dapat peruntukan wang yang lebih bagi menjalankan rancangannya. Tetapi saya percaya tentulah kedua-dua Dewan tidak akan dapat memberikan peruntukan yang lebih daripada kemampuan yang ada dalam negeri ini.

Dalam Rancangan Lima Tahun Kedua kita hanya dapat belanjakan \$7.000 juta sahaja. Setakat ini sahaja yang dapat kita belanja. Walaupun begitu bagi pihak MARDI ada mempunyai peruntukan wangnya sendiri tidak seperti Kementerian-kementerian atau Jabatan yang lain diberikan tiap-tiap tahun oleh kerana penyelidikan mengambil masa yang panjang dan tidak boleh diberhentikan seperti membuat jalanraya. Muga dengan sebab itu, peruntukan sekali gus telahpun diberikan kepada MARDI sehingga berjaya tiap-tiap satu penyelidikan yang hendak dijalankan itu. Nampaknya segala program MARDI yang disusun oleh mereka itu adalah diberi keutamaan, kerana itu adalah penting kepada negara dan wangnya pun boleh dikatakan mencukupi daripada wang dipohonkan oleh mereka itu. Kekurangan pegawai-pegawai penyelidikan adalah menjadi perkara yang utama dan ini bukanlah senang hendak

didapati, tetapi MARDI sendiri ada menjalankan latihan menghantar pemuda-pemuda kita seberang laut untuk mendapat latihan dan mereka itu tentulah berguna apabila balik kelak.

Berhubung dengan nenas yang sekarang ini dikenakan cess, pegawai penyelidik

Dr Mahathir bin Mohamad: Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan peruntukan kepada MARDI ini sudah tentu MARDI mendapat peruntukan, tetapi untuk perusahaan nenas, penyelidikan dalam bidang perusahaan nenas MARDI berkehendakkan industri itu sendiri membayar cess supaya cess ini digunakan untuk penyelidikan. Yang saya minta ialah supaya MARDI menggunakan peruntukan sendiri di dalam menjalankan penyelidikan dalam bidang perusahaan nenas. Kalau perusahaan nenas dapat dijalankan dengan peruntukan sendiri, mengapa tidak di dalam bidang perusahaan nenas?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya secara kebetulan hendak menjawab soalan itu. Kerajaan akan timbangan semula perkara ini dan saya akan bawakan kepada pengetahuan Kementerian yang berkenaan dan juga Kerajaan supaya dapat ditimbang. Saya tidak dapat hendak memberi jaminan samada permintaan Dr Mahathir dapat diluluskan dengan serta-merta dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Datuk Nik Hassan mengatakan samada anggur boleh hidup di negeri ini atau tidak, sebenarnya penyiasatan telah dijalankan. Anggur telah ditanam, tetapi malangnya buahnya kecil, banyak orang suka buah yang besar dan rasanya pun belum cukup manis lagi. Jadi belum dapat dihebahkan kepada rakyat di kampung-kampung. Apabila buahnya cukup besar seperti yang disukai oleh orang ramai dan isinya manis, baharulah kita beritahu kepada orang ramai.

MARDI diberi kuasa yang penuh menyelidik semua soal-soal pertanian dalam negara kita dan sekarang ini diketuai oleh seorang pakar penyelidikan yang cergas, seorang muda yang mempunyai semangat dedikasi. Kita boleh pertanggungjawab soal ini kepada beliau.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 74 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (pindaan), 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Pindaan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini adalah untuk:

- (a) Meminda nama Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara kepada Lembaga Kemajuan Ternakan Negara;
- (b) Menambahkan keanggotaan Jemaah Lembaga dengan memasukkan perwakilan daripada Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- (c) Meluaskan pada keseluruhannya kuasa-kuasa yang telah diberi kepada Lembaga supaya segala masalah-masalah berhubung dengan pengeluaran ternakan dan pemasaran hasil-hasil ternakan dapat dikawal olehnya.

Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, Bilangan 73, Tahun 1972 telah dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia mulai 1hb Ogos, 1972 apakala Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara dilantik oleh Menteri. Mengikut kuasa-kuasa yang diberi oleh Akta itu, Lembaga ini boleh menceburkan diri di dalam aktiviti-aktiviti pengeluaran ternakan samada dengan usahanya sendiri ataupun

secara usaha bersama dengan pihak swasta. Lembaga tersebut bertanggungjawab terhadap pembinaan dan penyelenggaraan rumah sembelih serta perusahaan-perusahaan daging tenusu di Malaysia. Lembaga ini juga ditugaskan untuk mengadakan rancangan-rancangan latihan supaya meujudkan tenaga yang terlatih dalam bidang pengurusan dan ternakan ataupun yang berkaitan dengan interprais-interprais ternakan.

Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara telah membuka lima rancangan daging/tenusu termasuklah satu rancangan yang digunakan bagi pusat latihan pada tahun lepas dan dua rancangan daging/tenusu telah dibuka pada tahun ini. Rancangan-rancangan tersebut semua berjalan mengikut jadual dan akan siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Selain daripada rancangan-rancangan daging/tenusu itu, Lembaga tersebut telah membina Rumah Sembelih di Shah Alam serta Pusat Pembahagian Daging di Senawang, Negri Sembilan yang memakan belanja \$12.6 juta. Rancangan ini adalah satu usaha Kerajaan supaya meninggikan lagi mutu penyembelihan yang ada di Malaysia dan akan menjadi langkah pertama bagi menyediakan perusahaan daging di negeri ini yang bercorak eskpot keluar negeri.

Fasal 2 Rang Undang-undang pindaan ini akan menukar nama Lembaga dengan menggunakan perkataan "ternakan", yang didapati lebih sesuai daripada perkataan "perusahaan haiwan".

Fasal 4 memasukkan wakil dari Bahagian Perangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sebagai Ahli Lembaga: tujuannya ialah untuk Ahli itu beserta membincangkan bersama-sama dengan ahli-ahli yang lain daripada Badan-badan Kerajaan seperti Perbendaharaan, Kementerian Pertanian dan Perikanan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, dan sebagainya. Dengan adanya wakil dari Bahagian Perancang Ekonomi maka Usahahaiwan akan dapat bergerak dengan lebih rapi lagi bagi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Supaya Lembaga ini menjadi satu badan yang lengkap, kuatkuasa tambahan akan diberi kepada Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara untuk membolehkannya

menjalankan rancangan-rancangan pemasaran dan mengawal pemasaran mengenai bahan-bahan pengeluaran perusahaan ternakan di negeri ini.

Pada masa ini kuasa berhubung dengan pemasaran bahan-bahan pertanian termasuk bahan-bahan ternakan telah dijalankan oleh Lembaga. Pemasaran Pertanian Persekutuan di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965. Pindaan kepada Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara ini akan memindahkan kuasa berhubung dengan pemasaran ternakan yang dijalankan oleh FAMA itu kepada Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara. Dengan pindaan ini hanya satu badan sahaja yang akan bertanggungjawab atas segala aspek berkenaan dengan pengeluaran dan pemasaran ternakan. Pindaan ini didapati di bawah Fasal 8.

Bahagian ke III Akta yang ada akan diganti dengan Bahagian-bahagian ke III, ke IV, dan ke V yang baharu seperti di bawah Jadual kepada Rang Undang-undang, iaitu untuk membuat peruntukan-peruntukan berkenaan dengan:

- (1) Kuasa-kuasa berhubung dengan Penguatkuasaan, memasuki premis, menangkap, mendakwa, menahan dan memeriksa;
- (2) Kesalahan, Penalti dan Pembicaraan;
- (3) Peruntukan Am untuk mengemukakan rayuan, tanggungan tiap-tiap ahli pegawai dan pengkhidmat merahsiakan, perlindungan ahli dan penjawat terhadap pembicaraan dan kuasa-kuasa bagi membuat peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini untuk diluluskan dan saya memberi tahniah kepada Kerajaan kerana dapat membuat satu Akta yang cukup lengkap dan saya berharap akan dapat berjalan dengan baik dan akan mendatangkan hasil yang banyak dan ini satu jalan yang boleh Kementerian Pertanian dan Perikanan berdiri atas kakinya sendiri.

Kita tahu di tiap-tiap negeri ada Jabatan Haiwan, tetapi tidak ada yang memberi hasil sepenuhnya cuma semata-mata untuk eksperimen sahaja. Kita sudah mencapai kemerdekaan, maka sudah patutlah kita mengubah polisi-polisi kita dan jangan mengikut lagi ajaran-ajaran yang tidak memberi faedah.

Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan ini patutlah mengkaji bagaimana ternakan seperti lembu, kerbau dan lain-lain binatang yang boleh memberi faedah dan mendatangkan hasil kepada negara kita kerana banyak tanah di seluruh negara kita dan janganlah semata-mata kita habiskan untuk ditanam kelapa sawit dan getah sahaja. Patutlah kita bahagi-bahagikan tanah kita, suku untuk kelapa sawit, suku untuk getah, 1/8 untuk ternakan dan selebihnya untuk tempat tinggal. Sungguhpun Kerajaan ada membuat perusahaan ternakan, tetapi tidak mencukupi. Maka dengan adanya Lembaga ini akan bertambah-tambahlah ternakan kita.

Saya juga berharap kepada Lembaga yang akan dilantik ini supaya tidak lagi membenarkan orang ramai di kampung-kampung berternak lembu, kerbau, kambing dan babi. Biarlah Lembaga ini menjalankannya, sebab-sebabnya saya katakan begitu, ternakan yang sedikit seperti satu dua ekor lembu atau kerbau dan kambing tidak memberi faedah, kebanyakan mencari jalan bermusuhan.

Pada masa ini pula lembu-lembu, kambing-kambing, kerbau-kerbau tidak boleh dipelihara dalam kawasan bandaraya atau kawasan Lembaga Bandaran. Jikalau ada orang-orang kampung menternak lembu atau kerbau atau kambing, kampung itu kerap kalilah bergaduh. Orang-orang bersawah pada masa ini tidak lagi menggunakan kerbau, semuanya menggunakan jentera dan ini satu dari alasan kita, kita tidak benarkan siapa-siapa membela lembu, kerbau dan kambing tiap-tiap kampung. Kalau Lembaga ini hendak berjaya mestilah menjalankan ternakan-ternakan yang cukup dan teratur. Kita tahu baharu-baharu ini beribu-ribu ekor lembu, kerbau telah kena penyakit mulut dan kuku. Saya menyalahkan Pejabat Haiwan yang tidak menjaga dan tahu. Sepatutnya Pejabat Haiwan ini tahu apa akan jadi pada binatang-binatang yang ada

di negara kita ini iaini musim penyakit telah tiba dan mesti tahu bila masanya. Ini patut dikaji, kerana kita akan menjalankan ternakan-ternakan hingga kiamat dunia ini.

Saya telah melawat tiap-tiap negeri dan tiap-tiap Negeri ada Pejabat Haiwan, tetapi bukan memberi keuntungan kepada Kerajaan cuma menghabiskan wang Kerajaan dengan memberi gaji pada pekerja-pekerja dan makanan-makanan kepada binatang-binatang yang telah dibela oleh Pejabat itu. Maka saya berharap ini tidak akan terjadi lagi. Kita harap apa-apa yang kita hendak jalankan di negara kita ini mestilah memberi faedah dan keuntungan. Kalau kita jangan dibuat. Kita tahu macam-macam sudah ada yang dirancangan oleh Kerajaan seperti yang kita luluskan Lembaga Pertubuhan Peladang, Undang-undang Pertubuhan Peladang, Undang-undang Pertanian dan bermacam-macam lagi. Kita harap semuanya akan berjaya.

Sekianlah pandangan saya dan saya menyokong Bill ini untuk diluluskan.

Datuk Haji Abdul Razak bin Hussein: Tuan Yang di-Pertua, di samping saya bersama-sama mengalu-alukan Bill ini, saya juga ingin bercakap sepatah dua.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, perkara meluluskan Bill ini adalah mudah samada Yang Berhormat Menteri menerangkan lebih lanjut atau menyebarkan siaran atau merfer balik kepada Menteri yang pernah bercakap kepada Dewan dahulu, pun Dewan ini sanggup meluluskan demi kepentingan negara.

Bill ini diadakan ialah kerana perubahan dan saya rasa perubahan ini pun sesuai daripada haiwan kepada ternakan. Tetapi sukacitalah saya nyatakan di negeri kita sekarang ini adalah sebuah negeri yang kekurangan daging. Bermillion ringgit tiap-tiap tahun membawa masuk daging dari luar negeri, daripada Siam, daripada Australia dan lain-lain negeri, sedangkan negeri kita sekarang ini mengikut hawa dan iklim ialah sebuah negeri yang sesuai untuk ternakan, sedangkan ternakan yang ada di negeri kita sekarang ini ialah ternakan yang dibuat kecil-kecil dilakukan oleh orang-orang di luar bandar memelihara lembu atau kambing dan timbul dalam Dewan ini pula supaya menahan orang di luar bandar daripada memelihara lembu

atau kambing. Samada seruan ini akan dapat dilakukan oleh Kerajaan atau tidak, terpuhlah kepada pertimbangan Kerajaan sendiri, tetapi hasilnya, jikalau rakyat negeri ini tidak memelihara lembu, memelihara kambing, kerbau atau babi untuk kegunaan mereka dalam negara ini, kita berlebih-lebih lagi berkehendakkan dan memasukkan kambing-kambing atau daging-daging daripada luar negeri. Dengan ini bermakna duit negara kita akan tercurah ke negara jiran atau negara asing berpuluh-puluh juta ringgit.

Apa yang saya sarankan di sini, Kerajaan patut bukan sahaja 5 tempat yang patut diadakan kawasan ternakan bahkan besar lebih banyak daripada ini lagi patut kita adakan.

Sepanjang yang difahamkan lembu sangat suka atau kalau dapat memakan hampas-hampas kelapa sawit umpamanya, keadaan lembu itu sendiri akan bertambah besar, gemuk serta-merta. Saya sarankan kepada Kerajaan:

- (i) Usaha mempawahkan lembu-lembu atau kerbau atau sebarang ternakan ini mesti digalakkan dua tiga kali ganda lagi.
- (ii) Penyelidikan. Menambah penyelidikan sebagaimana yang kita buat kepada MARDI harus ada dalam perkembangan perusahaan haiwan ataupun perusahaan ternakan.

Kita banyak penyakit yang kita rasa yang pernah berlaku dalam negara kita ini pada satu ketika dahulu, ialah sakit hati namanya, sakit hati kerbau, sakit hati lembu. Saya fikir mereka tahu masalah sakit hati ini. Tetapi nasib baik dapat diubati, kerana sakit hati manusia ini lebih kuat.

Sekarang ini kita dengar pula sakit kuku, sakit telinga, itu belum masuk lagi bengkak leher, atau penyakit yang dihadapi oleh lembu atau kambing, ialah kembung siang hari.

Semua penyakit ini yang biasa berlaku dalam negara kita sekarang ini dengan sebab barangkali kelemahan, kurang pengawasan atau kurang kakitangan menyiasat dari Jabatan Haiwan sendiri.

Kalau kita hendak berjaya dalam urusan negara kita dalam soal ternakan haiwan ini satu Jabatan Kajian yang sama dengan

MARDI diadakan. Kalau MARDI ditubuhkan kerana menyasat harta tumbuh-tumbuhan, maka penyasatan juga perihal penyakit ini perlu ada dalam Jabatan Haiwan. Saya bersetuju dengan pendapat daripada Yang Berhormat sahabat saya tadi bahawa pegawai-pegawai haiwan di luar bandar itu bukan tidak ada kerja, tetapi kurang kerja, sebab tugas yang diberikan kepada mereka itu adalah terhad: mencucuk ayam, bila ada penyakit mencucuk jenis-jenis penyakit, tetapi memperkembangkan perusahaan extension service tidak ada. Kalau kita mahu negara kita ini mencukupi masalah kekurangan daging, usaha membanyakkan lagi pemeliharaan lembu, kambing, atau kerbau itu mestilah diperbanyakkan.

Saya rasa lima pusat yang hendak diadakan adalah tidak cukup. Saya bersetuju dengan Kerajaan mengadakan tempat kawasan penyembelihan kerana ini memodenkan dalam zaman sains dan teknologi, dan saya bersetuju juga dengan cara-cara ini diluaskan lagi, tetapi masalah yang saya harap ditimbang oleh Kerajaan supaya membesarkan, membanyakkan daging-daging ini supaya harga daging yang ada pada hari ini dari \$2.40 boleh turun kepada \$1.60 sen.

Kalau kita tidak boleh buat mirage, tidak boleh buat kapal supersonik, tidak boleh buat kapal perang yang lebih besar, mengapa kita tidak boleh pelihara ternakan haiwan?

Saya tidak begitu pakar dalam masalah ini, tetapi masalah menimbang perkara yang mudah, umpamanya sekarang dalam Rancangan FELDA, kalau tiap-tiap peserta FELDA sekarang ini diberi satu ekor lembu pawah, berpuluh-puluh ribu ekar tanah ada yang ditanam kelapa bali, ditanam kelapa sawit yang tidak merosakkan pokok kelapa sawit dengan sebab kita memelihara lembu. Mengapa tidak kita lakukan?

Saya tidak hendak bercakap fasal FELDA, nanti sahabat saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan mengatakan saya pula bercakap masalah yang hampir dengan saya, tetapi ini satu kenyataan. Kalau dalam negara kita beratus-ribu tanah FELDA sekarang ini yang ditanam dengan kelapa sawit diberi lembu pawah kepada mereka bukan sahaja boleh menambah penghidupan mereka, tetapi boleh

membiakkan dan ini boleh menjualkan daging-daging selain daripada usaha Kerajaan yang secara besar-besaran.

Saya bersetuju dan mengalu-alukan Bil ini kerana saya tahu barangkali ada kelemahan daripada dahulu diperbetulkan, diambil pegawai-pegawai melengkapkan supaya dikemaskan, tetapi apa yang saya hasratkan kepada Dewan ini usaha membanyakkan daging dalam negara kita ini perlu kita buat. Kita harus tidak boleh bergantung kepada daging luar negeri. Jadi jika usaha ini dibuat dengan bersungguh-sungguh, saya yakin dengan keadaan iklim, dengan keadaan hawa, dengan keadaan tempat di negara kita ini boleh mengambil tempat sebuah negara yang mengeluarkan daging atau usaha haiwan yang terbesar di dalam rancangan ini.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang yang telah dibawa oleh Menteri yang berkenaan dan saya sukalah menarik perhatian berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Ternakan Haiwan Negara ini.

Di dalam kita memajukan ternakan ini, maka tentulah kita akan membawa perhatian kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan penyakit-penyakit haiwan ini yang boleh menjadikan merbahaya yang mana ada di negara kita pada masa ini, iaitu penyakit mulut dan penyakit kuku yang merbahaya sekali kepada lembu, kerbau dan kambing ini. Maka perkara ini bukanlah tidak diawasi atau tidak dijaga cukup oleh Pejabat Haiwan. Saya percaya Pejabat Haiwan memang menjaga dengan cukup, tetapi setelah di-siasat bahawa penyakit ini adalah datangnya daripada sebuah negara lain, iaitu Negeri Thai yang berjiran dengan Malaysia kita ini iaitu di Negeri Perlis.

Mula-mula penyakit itu terkena di Negeri Thai, maka penyakit itu telah dibawa masuk ke Negeri Perlis sehinggakan dua tiga bulan sebagaimana yang telah saya nyatakan dahulu iaitu lembu dan kerbau ini telahpun dimusnahkan sebanyak 80 ekor dalam masa sebulan. Jadi bererti penyakit ini tidak ada ubatnya melainkan hanya dengan ditembak mati dan ditanam begitu sahaja, tidak ada ubat untuk diubatkan. Jadi saya bawa perhatian di sini penyakit ini tidaklah terkena lain-lain negeri lagi dan jika terkena kepada lain-lain negeri tentu lebih bahaya lagi dalam

kedudukan lembu kerbau ini yang mana melibatkan bukan sahaja atas kematian yang kita tembak binatang-binatang ini dan merugikan kepada Kerajaan kerana bayaran-bayaran yang kita kena bayar semacam mana peruntukan yang kita berikan bagi Negeri Perlis sebanyak \$50,000 telahpun habis dibelanjakan dalam masa dua bulan. Dan untuk menjaga di dalam perkara ini kita hanya tahulah kawalan tak begitu ketat, kawalan di sempadan, maka patut diperketatkan sempadan di antara Malaysia dengan Thai kemasukan lembu kerbau dengan cara haram. Oleh sebab kita tahu ada di perenggan-perenggan sana dijagai oleh pasukan keselamatan, iaitu tentera-tentera kita, tetapi barangkali tidak diberi arahan dalam soal ini, maka dengan kerana itulah tentera ini tidak ambil peduli sangat mereka yang membawa binatang-binatang ternakan ini melalui sempadan.

Perkara ternakan ini pada masa ini juga masih bermaharajalela dibawa masuk. Ini yang kita takut sekali kerana perkara ini tidak berhenti lagi di Negeri Perlis, kadangkang satu hari dimasukkan 5 ekor atau 10 ekor terus dimuatkan ke dalam lori pada malam itu juga dan dibawa ke mana-mana tempat yang ditujukan. Kalau binatang itu binatang yang sudah ada penyakitnya itu kalau dipelihara di lain-lain tempat semacam mana dibawa ke Negeri Perak, dibawa ke Kuala Lumpur ini maka tentulah akan menjadi bahaya yang besar jika tidak dikawal di dalam soal ini.

Selain daripada itu, di dalam ternakan ini juga maka saya berharap macam mana Kerajaan pada hari ini ada membuat beberapa tempat untuk diadakan ternakan iaitu seperti mana di Gemas, Tanjong Malim dan juga di Pantai Timur, di Trengganu untuk dibawa pelihara secara besar-besaran dan pada tahun 1972 juga kita dapat tahu bahawa yang kita ada mengimpot lembu daripada Amerika sebanyak 80 ekor untuk dipelihara, iaitu lembu baka, lembu susu dan lembu daging ini. Nampaknya Kerajaan kita mengambil berat dalam perkara ini, sungguhpun begitu kita berharap juga Kerajaan akan memberi peluang kepada penternak-penternak kita bagi kemudahan-kemudahan iaitu cara memberi lembu dan kerbau ataupun memberi pinjaman-pinjaman yang boleh memelihara lembu dan kerbau ini di tiap-tiap negeri diadakan pemeliharaan lembu

dan kerbau ini, bukanlah di satu-satu tempat sahaja kerana benda ini juga kita tahu satu benda yang boleh meninggikan keadaan ekonomi negara kita ini juga.

Selain daripada itu, saya berharap juga bahawa Kerajaan akan memandang kepada Negeri Perlis ini berkenaan dengan bantuan-bantuan ternakan ini selain daripada pada masa ini lembu-kerbau tidak dapat diadakan di sana, tidak dapat diberi bantuan dan perkara lembu-kerbau dan penyembelihan pun tidak dibenarkan sama sekali. Jadi tentang ternakan ayam inilah dikehendaki kalau boleh Kerajaan memberi bantuan-bantuan yang cukup untuk pemeliharaan-peliharaan ayam di Negeri Perlis dengan seberapa banyak yang boleh untuk menolong kepada petani-petani ini dalam pemeliharaan.

Di dalam pemeliharaan ayam ini juga kita berharap tentang makanan-makanan

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, dalam Bil ini tidak ada menyebutkan berkenaan dengan ayam.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap selepas sahaja penyakit lembu-kerbau ini dihapuskan di Negeri Perlis maka akan dapatlah Kerajaan memerhatikan ke sana dan dapat memberi bantuan lembu-kerbau ini, terutama sekali pemeliharaan-peliharaan yang pada masa ini banyak sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi di dalam sebulan 80 ekor, kalaulah berlarutan dalam perkara ini tentu dalam masa lima enam bulan ini memakan 400-500 ekor. Saya berharap bantuan ini akan dapat diberi oleh Kerajaan kepada Negeri Perlis.

Begitu juga kita berharap seperti mana pada tahun-tahun yang lalu Kerajaan juga mengimpot lembu-kerbau ini, kita dapat mengimpot dengan banyak daripada Negeri Siam dan juga daripada Indonesia, tetapi pada masa ini di Negeri Siam kita tak dapat lagi membawa masuk. Walaumacammanapun, kemudahan yang akan diberi kepada pengimpot-pengimpot daripada Indonesia akan diberi kepada penduduk-penduduk negeri ini untuk mengimpot masuk lembu-kerbau ke Malaysia ini. Mudah-mudahan dengan cara itu akan membanyakkan lembu-kerbau kita di Malaysia ini dan kita tahu pula bahawa pada masa dahulu juga lembu-kerbau kita ada diimpot keluar sebagaimana kita bawa

ke Singapura sebanyak 287 ekor, ke Hong Kong 40 ekor dan ke Sarawak 18 ekor, tetapi pada masa sekarang tentulah perkara itu Kerajaan akan menahan buat sementara kerana menengokkan keadaan lembu-kerbau yang kurang di Malaysia sebagaimana yang kita tahu baru-baru ini begitu juga telah disiarkan dalam suratkhobar bahawa di Negeri Trengganu harga daging telah naik daripada \$2 kepada \$2.40 dan hatinya daripada \$2.40 kepada \$3. Itulah harapan saya dalam Dewan ini.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya tidak bersetuju dengan fikiran Yang Berhormat dari Perlis yang menyatakan supaya diketatkan kemasukan lembu-kerbau dari Siam, harga daging mahal kerana kita ketatkan undang-undang. Jika, ditahan lembu dari luar negeri masuk maka lembu dalam negeri kita tidak ada.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Untuk penjelasan. Dahulu tidak ada penyakit, tetapi dengan kerana penyakit ini sudah disiasat dan didapati datangnya daripada negeri Siam, maka kawalan telah diketatkan.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya Kerajaan membawa masuk, melonggarkan kemasukan lembu-lembu daripada Siam ini dengan mengadakan rumah-rumah quarantine, rumah-rumah pemeriksaan penyakit di tempat-tempat yang boleh dibawa masuk lembu-lembu itu. Satu daripada tempat yang suka saya cadangkan ialah di Rantau Panjang, kerana lembu yang datang daripada Siam terpaksa dibawa masuk melalui Padang Besar, daripada Padang Besar baharu bawa masuk ke Kelantan. Jadi tidak ada lembu yang boleh dibawa masuk ke Kelantan melalui Rantau Panjang. Sekarang jambatan Rantau Panjang sudah siap, quarantine tidak ada, hendak tarik lembu tidak dapat kerana tidak dibenarkan masuk kerana tiada rumah quarantine. Jadi perbadanan ini ialah satu perbadanan yang boleh buat perniagaan, dia boleh buat rumah quarantine dan boleh mengambil bayaran daripada rumah untuk diperiksa lembu masuk itu. Saya cadangkan satu daripada usaha perbadanan ini ialah mengambil alih kesemua rumah-rumah quarantine yang ada di seluruh Malaysia ini

supaya duduk di bawah perbadanan ini dan perbadanan ini menambahkan lagi di sempadan-sempadan di mana tempat yang boleh dibawa masuk lembu-lembu daripada Siam ini. Sebab, kalau kita tahan dia masuk juga, baiklah dia masuk menerusi tempat-tempat yang kita boleh cek penyakitnya dan boleh kenakan peraturan. Sekarang lembu daripada Golok, daripada Siam bawa masuk, dia cap dan dipanggil anak kandang. Anak kandang itu cuma diberi surat, kata lembu itu beranak di Kelantan, kemudian lembu dibawa ke Singapura untuk dijual. Surat yang dikatakan anak kandang ini, dikeluarkan beratus-ratus lembu itu kandang di Siam, tetapi cap sebagai anak kandang di Kelantan. Jadi lembu beranak di Siam dan beri surat di Kelantan, ini bukan lembu sahaja, manusia pun ada (*Ketawa*), beranak di Siam keluar di Kelantan. Saya berasa patut kita longgarkan dengan cara betul-betul kita benarkan dia masuk tak usahlah cap anak kandang ataupun apa-apa bawa masuk dengan cara peraturan dia hendak jual ke mana kita jual.

Dahulu waktu penyeludupan mudah, Kota Bharu tempat daging yang murah sekali, sekarang bila sekat daging mahal. Serupa juga beras, bila L.P.N. datang tahan beras masuk, beras pun kelam-kabut, tok peraih pun susah hendak berniaga, hendak mencari makan susah anti-corruption pergi jaga sendiri, beras sudah naik harga. Bila beras naik harga, beras tidak cukup sekarang mudah pula beri lesen; siapa hendak lesen boleh bawa masuk beras. Saya rasa, kita kena adakan satu tertib dalam pengawalan, tertib dalam jangka membawa masuk. Kalau kiranya kita fikir lembu daripada Siam dapat memberi makan kepada kita dengan cara murah, kenapa kita tidak boleh bawa masuk. Lembu daripada Indonesia kita bawa masuk, lembu daripada Siam dekat dengan sempadan boleh jual di Rantau Panjang dengan harga murah, itu lebih mudah kerana jiran yang paling dekat sekali. Saya rasa, dalam hal makanan ini, biarkanlah kita longgar seberapa yang boleh supaya harga makanan kita murah.

Dalam masaalah makanan longgarkanlah seberapa yang dapat supaya kita dapat makanan-makanan yang murah. Tentang hendak menjaga penyakit kita jagalah. Doktor ada, Doktor Haiwan ada, semuanya ada, kemudahan kita, ada kita jaga, tetapi

biarlah makanan seberapa yang murah dalam negara kita. Kalau kita pergi di Indonesia barang yang dibuat di luar negeri harganya mahal, tetapi makanan murah. Ini yang kita mahu. Jadi negara kita ini kita boleh buat dengan pertolongan daripada peladang yang ada di sempadan. Kita dapat makan buah anggur yang murah dengan kerana Siam dapat menanam buah anggur. Kita hendak tanam tidak boleh, kerana buahnya kecil dan masam. Jadi berilah dia tanam, kita bawa masuk. Itu satu cara yang saya rasa lebih baik kita gunakan polisi itu dahulu sebelum Lembaga ini dapat mengeluarkan lembu-lembu yang baik, baka daripada Amerika, daripada Australia, daripada mana pun, sebab lambat lembu itu hendak besar. Mereka pelihara sedangkan kita baharu hendak mulakan. Kita bawa masuk dahulu dan beri kepada rakyat kita supaya senang makan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa perjalanan mesyuarat Dewan Negara ini dikecualikan daripada peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) hingga pukul 7.00 malam.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa perjalanan mesyuarat Dewan Negara ini dikecualikan daripada peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) hingga pukul 7.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA (PINDAAN)

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Kementerian yang berkenaan.

Pertama sekali, selepas saya membaca Rang Undang-undang ini, saya berasa amatlah gembira, kerana salah satu perkataan "haiwan" ditukarkan dengan perkataan "ternakan". Haiwan kalau kita kaji elok-elok bunyi maknanya itu pelek. Dengan nama ternakan itu amatlah sesuai dengan apa yang dipinda.

Yang kedua, sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya tadi di Perlis ada penyakit kuku lembu dengan membawa sampai 4 bulan tidak boleh makan daging, tetapi syukurlah di luar daripada Perlis itu boleh makan. Walaubagaimanapun, saya berpendapat walaupun ada Pejabat Ternakan ataupun Pejabat Haiwan, tetapi kekurangan pakar yang khas berkenaan dengan haiwan ataupun binatang-binatang. Dengan sebab itu, saya berharap sangatlah kepada Kementerian yang berkenaan hendaklah diadakan seorang pakar khas di Perlis, kalau tidak adapun hendaklah selalu datang ke Pejabat Haiwan Perlis dan dengan jalan itu juga siasat atas kedudukan lembu ataupun kerbau-kerbau yang ada dalam negeri Perlis dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bersama-sama dengan saudara saya Yang Berhormat Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim, tetapi saya tak menyokong cadangannya tadi. Saya bersetuju dengan pendapat Datuk Nik Hassan bahawa kerbau-lembu ini patutlah kita sekat sangat, kerana saya tahu walaupun penyeludupan, kita tidak benarkan ada penyeludupan, tetapi agak saya ada bahan-bahan yang kalau ditahan dari luar negeri akan menyusahkan rakyat negeri ini sendiri. Saya katakan lembu atau kerbau. Kalau harga daging dengan harga \$2.40 hari ini, kalau dikira dengan adanya tanah boleh dibela ataupun diternakkan oleh Pak tani ataupun penduduk tidak menjadi ekonomik kerana seekor lembu tidak akan jadi tiga pikul kalau tidak bela dengan baik, itu pun memakan masa 5 tahun. Kalau dikira masa lima tahun, harga kita 3 pikul, saya ingat tidak lebih harga lembu sebanyak \$600, ataupun kalau 3 pikul katalah \$720 dengan masa yang terpaksa dipelihara lembu itu dengan tempat yang ada itu 3 tahun. Ini bererti seorang pembela tadi dia tidak dapat lebih daripada setahun \$200. Dengan pendapat \$200 ataupun \$300 itu adalah kerja yang tidak mencukupi mata pencariannya, kerana hetong panjang tak lebih \$30 sebulan.

Dengan sebab itu, saya berasa dukacita kalaulah keadaan harga daging macam hari ini, akan menjadikan rakyat bertambah susah. Dengan sebab itu, saya sangatlah menyokong seperti mana yang dikatakan oleh Datuk Nik Hassan tadi, kalaulah kita selidiki baik-baik asalkan harga daging ini menjadi murah biarlah dibawa masuk ke negeri kita walaupun dari negeri mana.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu di masa saya kecil-kecil tidak biasa tengok ayam makan dedak macam diperanakan dalam sangkar buluh sebagaimana yang dibuat, kerap kali kita tengok ayam ini kalau dia makan laju ialah makan padi. Dan saya tidak pernah tengok ayam bertelor dengan berbapak, kecuali masa sekarang ini dia bertelor dengan tidak berbapak dan saya sendiri menjadi pembela ayam. Saya berharap sangatlah kepada Kementerian yang berkenaan dengan melalui Rang Undang-undang ini diluluskan hendaklah berikhtiar bagaimana kalau dahulu kita tidak pernah tengok ayam yang boleh bertelor dengan tidak berbapa.

Hari ini juga kita biasa dengar rancangan Kerajaan lembu akan beranak dengan tidak berbapa dan sebagainya. Saya berharap ikhtiar ini patutlah dibanyakkan lagi dalam negeri kita Malaysia dan seboleh-bolehnya, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan menghadihkan lembu daripada mana-mana negeri sekalipun yang benih-benih lembu dapat dipelihara walaupun tidak dipelihara secara memelihara ayam kerana lembu ini binatang yang besar tetapi agak saya dalam kurang daripada suku relong letak satu ekor dengan makanan sekali. Jadi, makanan yang saya maksudkan carilah satu rumput yang boleh ditanam dengan sedikit makan tetapi banyak zat dalamnya ataupun makan dedak dan sebagainya yang boleh dimakan oleh lembu itu daripada kecil.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah berasa anih ataupun kerbau lembu makan dedak dan sebagainya yang jarang dimakan oleh lembu biasa hari ini. Tetapi kalau benda itu dilatih daripada kecil ataupun kita ambil daripada kecil ataupun kita ambil satu tempat yang ada lembu yang macam itu. Ini saya ingat memudahkan bela dan bolehlah dibela dengan tempat yang kecil dengan ternakan yang banyak. Tidak semacam hari ini hendak bela lembu saya biasa dengar kata

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, macam negeri mana yang dia baharu melawat, berekar-ekar seekor lembu yang dibela. Kalau macam Perlis, kalau berekar-ekar, berelongs-relongs tanah, berekar-ekar tanah baharu boleh bela seekor lembu, jadi anih kami di Perlis payahlah hendak membela lembu kerana maklumlah negeri Perlis negeri yang kecil. Jadi saya berharaplah sekali lagi kepada Kementerian yang berkenaan ikhtiar benih-benih lembu yang mudah dibela dan mudah beri makanan dia kalau boleh macam mana membela ayam tadi, tidak berbapa pun boleh dia beranak.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, semua perbincangan betul belaka. Yang hendak longgar pun betul, yang hendak ketat pun betul juga. Kita terpaksa mengalami kedua-dua perkara ini, waktu belum cukup daging dalam tanahair kita, kita longgarkan, bila sudah cukup esok kita ketatkan. Ini menjadi dasar Kerajaan pada hari ini.

Dan yang kedua berhubung dengan soal pemeliharaan ternakan secara berleluas-luasan. Janganlah berharap kepada rancangan Kerajaan semata-mata. Rancangan ini boleh dijalankan oleh pihak swasta, pihak orangramai. Wang permodalan barangkali tentu boleh senang didapati dalam negeri sama ada joint-venture dengan luar negeri. Ini adalah satu peluang yang baik bagi rakyat jelata menambahkan mata pencarian hidup dengan membuat sendiri rancangan-rancangan tersebut.

Kedua-dua Yang Berhormat dari Negeri Perlis banyak cakap berkenaan dengan ternakan, tetapi mereka lupa di negeri itu tidak ada tanah lagi, itu sebab kedua-dua mereka ada menyebutkan soal ayam, sebab ayam kecil barangkali sesuai dengan negeri Perlis (*Ketawa*).

Mujur juga Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya kerbau, lembu boleh beranak dengan tidak ada bapa, tetapi tidak mencadangkan pada manusia menjadi seperti ini (*Ketawa*) dan ini ada dijalankan perlahan-lahan kalau boleh diperluaskan lagi supaya lebih cepat daging untuk makanan dapat diadakan dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak jawab jawapan panjang lebar sebab semua pandangan itu sangat berharga dan akan

diambil ingatan dan Lembaga ini tentulah akan menimbangkan semua perkara itu apabila dijalankan usaha-usaha ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan), 1973.

Pindaan yang dikemukakan adalah bertujuan:

- (1) meluaskan kuasa-kuasa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia untuk mengambil bahagian terus di dalam hal-ehwal pemasaran supaya diselaraskan dengan yang dijalankan oleh Lembaga dalam bidang pengeluaran;
- (2) mengadakan kuasa untuk mengambil alih tugas dan pengurusan Jemaah Pemasaran Ikan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan; dan
- (3) mengadakan kuasa-kuasa berhubung dengan penguatkuasaan kawalan pasaran dengan cara perlesenan pihak-pihak yang berkaitan dengannya dan mengadakan peruntukan bagi kesalahan penalti dan perbicaraan yang terbit daripadanya.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan mengadakan projek-projek bagi memproses ikan dan udang dengan cara usaha bersama dengan perbadanan-perbadanan Kerajaan Negeri. Lembaga ini sedang berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk merancang pembinaan kilang-kilang memproses ikan, air batu, ikan baja dan lain-lain yang berkaitan dengan perusahaan perikanan di seluruh negara.

Dalam penangkapan ikan Lembaga ini telah mengadakan skim perusahaan penangkapan ikan dengan penyertaan pemilik-pemilik bot dan Lembaga juga telah membina bot-bot untuk menjalankan perusahaan pukat tunda di mana tawaran dibuat bagi penyertaan oleh nelayan-nelayan, penjual-penjual ikan dan pemilik-pemilik bot. Di bawah rancangan Lembaga akan menjual share serta mengadakan scheme simpanan untuk membantu nelayan-nelayan membeli saham-saham ataupun mengumpulkan modal untuk membeli bot-bot mereka sendiri.

Pindaan di bawah Fasal 3 ialah untuk mengadakan seorang ahli tambahan kepada keanggotaan Lembaga bagi mewakili Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Pindaan di bawah Fasal 4 adalah bertujuan untuk meluaskan tugas-tugas Lembaga kepada bidang pemasaran.

Pindaan di bawah Fasal 5 bertujuan untuk meminda Seksyen 5 dengan menghapuskan perkataan-perkataan "Pengurus Besar". Seksyen ini juga ada mengadakan peruntukan supaya Timbalan Pengerusi mempunyai segala kuasa seseorang Pegawai berkuasa di bawah Akta ini.

Pindaan di bawah Fasal 6 akan mengadakan kuasa-kuasa yang berkaitan dengan penguat-kuasaan, kesalahan penalti dan peraturan-peraturan dan lain-lain perkara termasuk rayuan bersabit dari keputusan Lembaga berkaitan dengan pengeluaran, pembaharuan atau penarikan semula lesen-lesen.

Pindaan kepada perenggan 7, 8, 9, 10, 11 dan 12 mengadakan peruntukan bagi Lembaga mengambil alih dan FAMA menyerahkan tugas dan pengurusan Jemaah Pemasaran Ikan berserta dengan harta dan tanggungannya kepada Lembaga untuk

ditadbirkan oleh Lembaga sendiri dan dengan yang demikian mempersatukan aktiviti-aktiviti di dalam bidang perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) dan turut menyokong kepadanya.

Dalam Bill ini menurut Fasal 13 mengenai kuasa bagi menangkap, mengambil, menyi-asiat dan mendakwa: bahawa akan menguasai pegawai berkuasa atau pegawai polis supaya boleh:

“(a) menangkap tanpa waran mana-mana orang yang ia ada sebab bagi mempercayai telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini”

(b) mengambil apa-apa juga benda yang difikirkannya perlu diambil berhubung dengan keterangan yang perlu bagi membuktikan berlakunya sesuatu kesalahan itu.”

Saya rasa menguasai pegawai-pegawai berkuasa atau pegawai-pegawai polis dengan penuh kuasanya adalah satu langkah yang berbahaya kerana menangkap tanpa waran. Mana-mana orang yang dia ada sebab bagi mempercayai telah melakukan satu kesalahan di bawah Akta ini adalah sangat senang sahaja mempersalahkan orang dengan ikut suka hati pegawai-pegawai yang berkenaan dan senang juga berlaku suatu perbuatan kerana menerima rasuah. Ini akan merosakkan jawatannya.

Meninggikan taraf hidup nelayan-nelayan adalah tanggungjawab Kerajaan dan saya merayu kepada Kerajaan supaya mengawasi- lah kuasa pegawai-pegawai yang berkenaan dengan sebaik-baiknya kerana tidak akan menyusahkan nelayan-nelayan, tetapi menolong kepada mereka.

Saya di sini sukalah menyampaikan masa-alah-masalah dari nelayan Pantai Remis, Perak, iaitu:

(i) bot nelayan 7 tan dan lama itu disuruh oleh Pengarah Perikanan di Perak itu

katanya tidak sesuai kerana bot 7 tan terlalu kecil sangat dan wajib dibuat besar semula dan apabila bot nelayan dibesarkan itu oleh lesen menangkap ikan lama itu dibatalkan dan tidak dikeluarkan lesen baharu. Ini apakah maknanya saya pun tidak tahu:

(ii) berkenaan dengan jaminan atau bail. Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang nelayan kerana melanggar Undang-undang Perikanan itu akan ditahan oleh pihak-pihak Polis dan dikehendaki dengan seorang penjamin untuk jaminan kepadanya dengan \$5,000.

Tuan Yang di-Pertua, maka jaminan yang dibuat oleh Syarikat Kerjasama Nelayan itu adalah beberapa kes yang telah tidak dibenarkan dan ditolak. Saya rasa mengapakah menyusahkan kepada nelayan-nelayan miskin seperti itu kerana hendak mencari seseorang penjamin dengan \$5,000 bukanlah satu perkara yang senang didapati. Sebuah Syarikat Kerjasama Nelayan tidak dibenarkan menjamin, adakah ini adil?

Saya dapat tahu bahawa sungguhpun kekacauan yang dilakukan adalah berlaku di mana-mana tempat, tetapi tiada di tempat kawasan Dinding, Perak. Saya haraplah pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan bekerjasama dengan nelayan-nelayan di semua tempat terutama di kawasan Dinding, Perak.

Kita dapat membeli ikan di mana-mana pasar dengan senang sahaja, tetapi kita mesti ingat kesusahan-kesusahan yang dilakukan kepada nelayan-nelayan patutlah kita ber-simpati dengannya dan saya merayu kepada Kerajaan supaya menolong dan meninggikan taraf hidup nelayan-nelayan kita. Dengan ini, baharulah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru serta kemajuan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, merojok kepada Fasal 26, iaitu perlindungan terhadap pembicaraan undang-undang:

“26. (1) Tiada apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau lain-lain pembicaraan boleh dibawa atau dimulakan terhadap diri seseorang ahli Lembaga atau terhadap diri pegawai atau penjawat yang dilantik oleh Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan.

Saya rasa juga perlindungan ini adalah berbahaya kepada nelayan-nelayan juga

kerana pegawai-pegawai Lembaga akan senang sahaja merosakkan perkerjaan-pekerjaannya dengan cara tak betul nanti. Maka di sini saya haraplah kepada Kerajaan supaya mengawal tentang hal ini dengan sebaik-baiknya supaya hak-hak istimewa tidak disalah gunakan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan suka saya hendak tegur sedikit rakan saya yang baharu bercakap itu, Yang Berhormat Tuan Yeap Kheng Yam.

Saya hendak tegur beliau kerana, dalam ucapannya itu beliau tidak percaya kepada semua pegawai Kerajaan. Beliau tidak mahu diberi kuasa kepada pegawai polis dan beliau tidak percaya pegawai perikanan itu boleh menjalankan kerjanya dengan adil.

Tuan Yeap Kheng Yam: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan tidak percaya, saya takut akan melakukan perkara yang tidak betul.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Kaedah beliau, kalau orang takutkan harimau, dia kata dia tak takut, dia malukan harimau. (*Ketawa*) Itu cara bercakap, tetapi cara bercakap ini boleh menimbulkan fahaman daripada hasrat perasaan seseorang itu. Hasrat perasaan rakan saya ini, ialah hasrat perasaan yang tidak begitu yakin yang pegawai polis boleh dapat menjalankan kerjanya dengan adil. Dengan kerana itulah beliau was-was tentang kuasa yang ada dalam Undang-undang ini yang diberikan kepada pegawai polis, tetapi patutlah Ahli Yang Berhormat faham bahawa kekecohan, pergaduhan, perkara yang berbangkit dalam perkara nelayan ini adalah satu masalah besar yang menyentuh keselamatan negara kita, yang mesti dikawal, mesti dijaga dengan betul. Kalau kuasa-kuasa tidak diberikan kepada polis dengan betul, maka kemungkinan satu hari susah kita hendak kawal keselamatan di lautan kita itu.

Selain, daripada itu, saya suka hendak memberi pandangan sedikit kepada Undang-undang ini, bahawa Menteri yang bercakap tadi mengatakan Perbadanan ini akan mengadakan perusahaan ikan, perusahaan udang dan berbagai-bagai lagi. Yang saya nampak

hari ini kita hendak makan udang pun susah, sudah tak ada udang. Daripada laut terus ke Tokyo, daripada laut terus ke Hong Kong Kalau kita hendak dapat seekor udang yang besar untuk hendak makan mesti berbelanja sekurang-kurangnya \$5 atau \$6. Kalau tidak, tidak boleh berjumpa dengan udang. Saya nampak kita sudah jadikan macam lembu tadi. Daripada Siam dia lalu sahaja ke Kelantan, terus ke Singapura, ataupun daripada negeri lain kita hendak masukkan di sini, kita sekat. Kita menderita, kerana tak boleh makan makanan yang cukup dengan harga yang murah.

Masaalah yang timbul hari ini adakah kita akan kawal pembelian udang ataupun ikan ataupun benda-benda yang berharga dalam negeri kita ini. Kalau datangnya pembeli itu daripada luar negeri, umpamanya kampeni daripada Jepun dia terus berkira dalam kapal yang ada di tengah laut, kapal itu jual terus, tidak naik ke darat lagi terus pergi ke Tokyo, pergi ke Hong Kong. Bagaimana caranya kita hendak adakan perusahaan-perusahaan kalau sekiranya benda ini lebih berharga, lebih mahal dan terus dibawa ke luar negeri. Kita jangan buat undang-undang kita mengadakan pegawai kita, tidak ada benda hendak proses kerana kita membebaskan mereka datang membeli barang itu daripada laut terus dibawa ke negeri mereka. Ini satu masaalah yang patut dikaji supaya dapatlah udang yang timbul dalam laut kita itu dapat kita makan terlebih dahulu sebelum kita beri kepada orang makan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada masaalah-masaalahnya ikan ini. Umpamanya orang daripada Siam di sempadan dengan Kelantan, dia tangkap ikan yang banyak dia jual di sempadan Kelantan dekat Tumpat misalnya ataupun waktu dia ikan kurang, dia tangkap di sebelah kita, dia bawa balik jual sebelah negerinya. Perairan itu sempadan. Itu satu problem yang timbul di antara orang yang di sebelah Malaysia ini dengan Thailand. Jadi kawalan yang seumpama ini perlu juga dijaga. Saya rasa dalam masaalah ini boleh kita kawal sekiranya kita ketatkan undang-undang negeri kita ini iaitu orang yang di luar negeri tidak boleh hendak menangkap ikan di negeri kita atau datang menjual di negeri kita ini kerana kita hendak kenakan lesen kepada nelayan kita ini. Kalau kita kenakan lesen kepada nelayan kita, orang di luar negeri, dia datang, dia

tidak kena lesen. Dia tangkap ikan di negeri kita. Ini satu masalah. Jadi kita mengikat orang kita, hendak ikat orang dia tidak boleh. Ini patut ditimbang oleh Kerajaan sekarang.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan daripada Senator Yeap Kheng Yam, Kerajaan terpaksa tegas, yang pertama dalam usaha hendak menolong rakyat termasuklah penangkap-penangkap ikan. Penangkap ikan ada dua gulungan, gulungan kecil dan gulungan yang besar. Gulungan yang besar mempunyai modal yang banyak dan mempunyai kebolehan dan kemampuan. Dan sungutan pernah disuarakan oleh penangkap-penangkap ikan kecil meminta perlindungan supaya mereka juga dapat hidup bersama dalam negeri ini. Maka dengan sebab itulah Kerajaan mengadakan undang-undang yang tegas. Saya menjamin bahawa keadilan tidak akan berlaku. Negara kita menjalankan pemerintahan secara demokrasi di mana suara rakyat boleh didengar di semua pihak di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan sebagainya. Sekiranya didapati undang-undang ini menyusahkan rakyat, Kerajaan bersedia akan pinda balik pada masa akan datang. Biar kita cuba dahulu supaya kedua-dua pihak dapat hidup dengan sempurna.

Hujjah dari saudara Nik Hassan akan diambil perhatian. Dalam perkara mengeksportkan ikan dan udang ke luar negeri, perkara ini setelah ditimbang jika sekiranya mereka mendapat harga yang lebih baik di luar negeri tentulah Kerajaan tidak boleh hendak tahan supaya kehidupan rakyat bertambah tinggi.

Dan begitu juga iaitu mengawal penangkap-penangkap ikan daripada luar negeri. Perkara ini memang telah dijalankan daripada satu masa ke satu masa untuk menahan mereka tidak mencerooboh masuk ke perairan Malaysia. Tetapi oleh kerana pantai Malaysia kita terlampau panjang, maka tidaklah dapat diadakan kawalan yang cukup, kerana menelan perbelanjaan yang sangat banyak. Tetapi Kerajaan sedar hal ini dan usaha seperti itu ada dijalankan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetapkan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.